

Melihat di Sebalik
Epal

Penulis

Mirza Inak

Penterjemah

Ain Mustaffa & Hazwan Azman



Hayrât Neşriyat

Melihat di Sebalik Epal

Edisi Pertama
Cetakan Pertama Jun 2024

Buku ini merupakan terjemahan bahasa Melayu daripada buku Elmadan Bakmak karya Dr. Mirza Ayhan Inak yang berbahasa Turki. Izin terjemahan diperoleh daripada penulis.

Penterjemah Bahasa Melayu

Ain Mustaffa
Hazwan Azman

Editor

Nazri Roslan

Pereka Grafik

Ali PARILTI



Hayrât Neşriyat

©Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Hayrat Neşriyat

Diterbitkan oleh:

Tevafuk Publication PLT
8-1 Prima Samudra, Taman Samudra Utara 11,
68100, Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
+603 6730 0903 penerbitanhayrat@gmail.com

Dicetak di:

2021 Mudah Urus Enterprise Sdn. Bhd. (329540-P)
143, Jalan Kip 8, Taman Perindustrian Kip,
Bandar Sri Damansara, 52200,
Kuala Lumpur



Imbas kod QR untuk
mengakses kandungan
digital dan berkongsi
pandangan anda tentang
buku ini bersama kami.

“Terima kasih.”

Kandungan

Tinta Editor Melihat di Sebalik Epal	4
Bab 1 Keterujaan Mempelajari Perkara Baharu	5
Bab 2 Betapa Indahnya Iman.....	7
Bab 3 Tiga Perkara Utama yang Memperkenalkan Kita Kepada Tuhan..15	
Bab 4 Adakah Terdapat Darjat pada Iman?	21
Bab 5 Melihat Epal atau Melihat di Sebalik Epal?	29
Bab 6 Dialah salah satunya, Snowflake	35
Bab 7 Melihat Alam Semesta Secara Menyeluruh.....	41
Bab 8 Perjalanan ke Universiti	47
Bab 9 Peraturan adalah Bukti kepada Adanya Pengatur.....	50
Bab 10 Universiti Islam dan Sains Istanbul	58
Bab 11 Integrasi Antara Islam dan Sains	60
Bab 12 Akal Bertindak Melalui Bukti.....	64
Bab 13 Jika Pembuatnya Tidak Terlihat Maka Bukanlah Bermaksud Ia Terjadi Secara Kebetulan	65
Bab 14 Dunia Kita Ibarat Istana yang Tersergam Indah!	66
Bab 15 Bahasa Rahsia Makhluk	69
Bab 16 Apakah Engkau Sedar Bahawa Aku Sedang Menyampaikan Mesej-mesej Melalui Bahasa Hal-Ku?.....	71
Bab 17 Perkara yang Memerlukan Ilmu Tidak Boleh Dilakukan oleh Si Jahil.....	73
Bab 18 Sebuah Lukisan Mustahil Ada Tanpa Pelukisnya	76
Bab 19 Pembuat Bukanlah daripada Jenis Objek.....	79
Bab 20 !Sikulep Gnaroes Nakulrep Nup Amar-amar Rokees Nasikul Utas Nakhab.....	81
Bab 21 Setiap Satu Perkara Terkait Dengan Segala Perkara!.....	82
Bab 22 Sesuatu Yang Tidak Hidup Tidak Boleh Memberi Kehidupan!...83	
Bab 23 Jika Banyak Tangan Bercampur Dalam Suatu Pekerjaan, Ia Akan Berkecamuk	84
Bab 24 Penceramah yang Tidak Disangka-sangka	87
Bab 25 Setiap Syair Menunjukkan Penyairnya	88
Bab 26 Tidak Melihat Malaikat Bukan Bermaksud Mereka Tidak Wujud..89	
Bab 27 Umat Manusia Memerlukan Para Nabi.....	92
Bab 28 Kehidupan Akhirat Akan Berlaku	94
Bab 29 Penciptaan Kedua Lebih Mudah Daripada Penciptaan Pertama...95	
Bab 30 Manusia Bebas Membuat Pilihannya.....	97
Bab 31 Ketika Segala Sesuatu Ada Tujuan, Bagaimana Mungkin Pula Seorang Insan Tidak Bertujuan!?	99
Bab 32 Iman Kita Ialah Noktah Persandaran Terkuat.....	102
Bab 33 Bagaimana Aku Dapat Menguatkan Imanku?.....	107

Tinta Editor
Melihat di Sebalik Epal

Segala puji bagi Allah s.w.t Tuhan semesta alam, selawat serta salam ke atas junjungan teragung Nabi Muhammad s.a.w dan ke atas ahli keluarga serta mereka yang mengikuti jejak langkah Baginda Rasulullah s.a.w hingga ke hari Kiamat.

Kami mensyukuri atas nikmat kurniaan Allah s.w.t yang mengizinkan kami untuk menerbitkan karya genre novel untuk kali kedua. Novel tersebut terjemahan buku bahasa Turki yang berjudul ***Elmadan Bakmak*** karangan Dr Mirza Ayhan Inak. Apabila diterjemahkan ke bahasa Melayu secara literal, ia bermaksud ***Melihat Di Sebalik Epal***. Sekalung penghargaan kepada dua penterjemah kita iaitu saudari Ain Mustaffa dan saudara Hazwan Azman atas usaha menterjemahkan buku ini.

Untuk makluman, novel ini merupakan kesinambungan novel berjudul Nota Kembara Fateh yang mengisahkan seorang pelajar bernama Fateh. Namun, kisah kali ini lebih tertumpu kepada Cikgu Yusuf yang banyak mengajar Fateh cara mengenali Allah s.w.t melalui sains. Apabila kisah ini diceritakan daripada sudut pandang Cikgu Yusuf, maka babak interaksi antara guru dan murid banyak dirakamkan dalam setiap bab novel ini. Adapun Fateh menjadi salah seorang pelajar Cikgu Yusuf dan kini berada di sekolah menengah.

Berdasarkan tema yang sama iaitu mengenali Allah s.w.t melalui sains, novel kedua ini banyak menghidangkan contoh-contoh yang membuktikan kewujudan Allah melalui akal. Menerusi contoh-contoh yang diberikan juga, kita dapat menguatkan keimanan kita dengan melihat alam sekeliling kita yang merupakan tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t. Selain itu, novel kali ini masih mengekalkan kewujudan ilustrasi sebagai sokongan memberi penambah faham terhadap pembaca.

Novel ini sesuai dibaca oleh komuniti sekolah seperti para guru dan para pustakawan dalam menambah korpus bacaan para pelajar dalam bidang agama dan moral. Tambahan lagi, ia juga sesuai dibaca oleh para pengkaji teologi yang tercari-cari contoh pembuktian kewujudan Allah secara santai. Ia juga sesuai untuk para ibu bapa yang sentiasa menyediakan bahan bacaan untuk anak-anak di rumah.

Akhir kata, persoalan kenapa novel ini berjudul *Melihat Di Sebalik Epal*? Pembaca boleh menikmati bacaan sehinggalah mendapat jawapan. Jika sudah jumpa jawapannya, diharapkan terus membaca sehingga tamat. Selamat membaca!



Keterujaan Mempelajari Perkara Baharu

Cuti yang indah pada bulan-bulan musim panas telah berakhir dan waktu persekolahan telah pun bermula. Seperti biasa, para pelajar kelihatan teruja untuk mempelajari perkara-perkara baharu di sekolah. Bulan September berlalu dengan cepat sekali. Kuning-kuning pudar bulan Oktober pula mula menampakkan dirinya.

Di taman sekolah, kelihatan daun pohon berangan yang mempunyai dahan besar berguguran. Kebiasaannya di situ menjadi tempat pelajar bermain dan berteduh pada musim bunga dan musim panas. Burung-burung yang membuat sarang pada dahan-dahan besar pohon berangan telah pun keluar dari sarangnya pada musim panas dek gugurnya daun-daun kering. Kelihatan mereka berterbangan di sekeliling pokok besar itu. Taman tersebut merupakan taman sekolah bersejarah berhampiran Üsküdar yang dibina pada tahun 1898 sejak zaman Uthmaniyyah.

Sekolah yang dibina oleh Sultan Abdul Hamid Han¹ ini sangat mementingkan pendidikan dan sangat prihatin terhadap golongan muda. Bangunan yang dirancang sebagai *Rusytiye Mektebi*² pada tahun-tahun tersebut, diperbuat daripada batu-bata dan memiliki ciri lanskap yang sangat luas. Bilik kelas dibuat tinggi untuk menampakkan ruangan lebih luas, tingkap-tingkapnya direka berbentuk lebar untuk membenarkan banyak cahaya dan udara masuk ke kelas tersebut. Pintu masuk ke bangunan itu sangat besar. Ia memiliki ciri yang sangat berseni dan estetik.

1. Sultan Abdul Hamid Han II merupakan Sultan Empayar Uthmaniyyah ke-34 yang memerintah dari tahun 1876 sehinggalah 1909. Pada akhir pemerintahannya, baginda digulingkan oleh Revolusi Turki Muda.
2. Sekolah menengah

Terdapat sebuah kedai buku besar bertentangan dengan sekolah. Kedai buku itu ada satu tingkat yang menjual alat tulis, majalah dan buku-buku. Kedai ini memiliki pemandangan yang luas iaitu mempunyai padang rumput dan pokok-pokok. Di dalamnya terdapat meja-meja tempat minuman teh boleh dinikmati sambil membaca buku. Tempat ini penuh dengan pelajar-pelajar selepas waktu sekolah. Pelajar boleh memenuhi beberapa keperluan sekolah mereka dari sini dan mereka boleh mencari buku yang mereka ingin baca di sini.

Pemilik kedai buku itu ialah seorang pesara guru yang gemar membaca. Pelajar-pelajar memanggilnya sebagai Tok Osman. Apabila mereka datang, mereka pasti melihat Tok Osman sedang membaca buku di meja dengan cermin matanya yang kecil dan comel. Mereka akan berbual dengannya dan bertanya tentang buku yang mereka cari. Tok Osman juga akan membantu mereka dengan senang hati.

Terdapat suatu ayat tertulis pada dinding kedai, “AMBIL, BAWA, BACA dan PULANGKAN!” dengan huruf besar. Pelajar yang pertama kali datang ke sini pasti terkejut melihat tulisan ini. “Agaknya apakah maksudnya?” kata mereka bertanya kepada diri sendiri.

Jika mereka telah memahami maksudnya yang sebenar, mereka pasti gembira. Hal ini kerana mereka boleh mendapat manfaat daripada buku-buku ini walaupun dengan wang saku yang sangat sedikit. Jika mereka mahu, mereka boleh menyewa buku yang disukai daripada Tok Osman selama 15 hari tanpa membelinya.

Lagipun, Tok Osman ialah datuk kepada salah seorang pelajar sekolah menengah yang bernama Fateh. Fateh seorang pelajar yang aktif, sentiasa tersenyum dan suka bergurau. Semasa rehat pada waktu tengah hari, Fateh akan datang ke kedai buku tersebut bersama rakan-rakannya, kadang-kadang membantu datuknya, dan sering duduk di meja sambil berborak dengan datuknya.

Tak terlupa juga *Snowflake*, kucing comel milik Tok Osman. Dia juga merupakan ahli kedai ini. Mereka yang datang ke kedai buku ingin melihatnya, dan jika mereka tidak dapat



melihatnya, mereka akan sentiasa bertanya tentangnya. Kucing itu berwarna putih diminati oleh mereka yang berkunjung. Ia memikat mereka yang melihatnya supaya mendekatinya dengan dengkurman manisnya.

Guru Budaya Agama dan Akhlak di sekolah iaitu Cikgu Yusuf juga sering berkunjung ke sini dan berbual dengan Tok Osman.

Betapa Indahnyanya Iman

Hari itu hari Isnin. Pelajar berada di dalam kelas terakhir mereka iaitu subjek Budaya Agama dan Akhlak. Murid-murid agak keletihan hari itu tetapi pelajaran kegemaran mereka baru sahaja bermula. Cikgu Yusuf, guru subjek Budaya Agama dan Akhlak ialah salah seorang guru paling disukai di sekolah itu. Cikgu Yusuf disenangi oleh anak-anak muridnya kerana

sifatnya yang sentiasa menghargai anak-anak muridnya. Beliau mengambil berat terhadap pandangan mereka.

Ketika sesi soal jawab berlangsung, beliau tidak terus memberikan jawapan, namun menunggu sebentar dan menggalakkan pelajaranya berfikir juga. Beliau cuba meminta para pelajar mencari jawapannya sendiri dan berkomunikasi dengan mereka secara berkesan. Beliau memberikan penjelasan dengan mengambil contoh-contoh daripada kehidupan sebenar. Beliau menjelaskan mengenai alam semesta dalam pelajarannya, berkongsi cerita mengenai keindahan, kesenian, rahmat dan keajaiban ciptaan Allah kepada murid-muridnya.

Beliau akan memasukkan cerita itu ke dalam pelajarannya, dan mereka akan mempelajari pelajaran itu bersama-sama contoh tersebut. Kadang-kadang Cikgu Yusuf juga membawa pelajaranya keluar ke taman dan mengajar mereka di tempat terbuka.

Pelajar juga menyayangi guru mereka, mengikuti kelasnya dengan seronok. Mereka aktif bertanya soalan dan berharap kelas tidak segera tamat. Namun, Cikgu Yusuf tersenyum sambil berkata,

“Kamu juga perlukan rehat, kamu semua boleh buat persiapan untuk pelajaran seterusnya.” Apabila loceng berbunyi, Cikgu Yusuf pun menamatkan pelajarannya, “Baik, kita sambung pelajaran kita pada kelas akan datang. Jumpa lagi *insya-Allah*,” katanya sambil keluar dari kelas.

Ketika kelas Budaya Agama dan Akhlak yang diajar oleh Cikgu Yusuf berlangsung, para pelajar mempelajari mengenai topik ‘kepercayaan kepada Allah.’

Cikgu Yusuf berkata, “Sahabat sekalian, sebelum kita bercakap tentang iman, saya ingin bercakap tentang manusia terlebih dahulu. Anda juga sedar bahawa manusia sangat berbeza daripada makhluk lain. Sebagai manusia, kita dapat berfikir, merasa ingin tahu dan sering bertanya. Kita meneliti apa yang berlaku pada sekeliling kita dan kita mencari punca kejadiannya.”

“Pokok sendiri pun tidak tertanya-tanya bagaimana biji benihnya yang kecil bertukar menjadi pokok besar, ataupun bertanya kepada seekor burung yang mungkin hinggap di atas pokok itu. Tetapi manusia tertanya-tanya bagaimana peristiwa ini berlaku dan melihat kejadian ini dengan penuh kekaguman.”

“Pelajar-pelajarku yang dikasihi, manusia dihantar dengan kelengkapan yang sangat canggih semasa dia datang ke bumi. Dia dilahirkan dengan ciri-ciri seperti kecerdasan, rasa ingin tahu, rasa takjub dan kasih sayang, bahkan lebih unggul daripada makhluk hidup yang lain. Kebolehan manusia yang unggul ini dan hakikat bahawa dia berbeza daripada haiwan daripada segi penciptaan ialah bukti jelas bahawa ia dihantar ke bumi untuk tujuan yang sangat penting.”

“Tujuan yang paling besar di antara tujuan ini adalah beriman kepada Allah. Jom sekarang kita bincangkan persoalan ‘Apakah iman?’” kata Cikgu Yusuf sambil meminta para pelajarnya turut menyertainya dalam kelas tersebut. Beliau bertanyakan pandangan mereka tentang definisi iman.

Nusaibah menjawab, “Maksudnya percaya, cikgu.”

Cikgu Yusuf membalas jawapan Nusaibah, “Bagus!”

Fateh pula memberikan jawapan, “Maksudnya percaya daripada hati dengan ikhlas.”


Cikgu Yusuf menjawab, “Betul, mari kita lihat siapa lagi ada pandangan lain.” Khadijah, pelajar yang paling banyak membaca buku dalam kelas menjawab,

“Cikgu, saya membaca dalam sebuah buku yang mengatakan maksud iman ialah percaya kepada Tuhan daripada hati tanpa sebarang keraguan.”

“Sangat bagus!” kata Cikgu Yusuf.

Mustafa pula angkat tangannya, “Cikgu, bukannya persoalan tentang iman ini telah wujud sejak penciptaan manusia pertama?”

“Ya, Mustafa. Persoalan iman telah wujud sejak manusia pertama diciptakan. Manusia pertama iaitu Saidina Adam a.s.



juga merupakan nabi pertama. Manusia belajar tentang iman melalui para nabi. Para nabi mengajarkan kita bagaimana cara mencapai iman, mereka jugalah yang memberitahu kita mengapa kita perlu beriman. ‘Apakah makna menjadi manusia?’, ‘Apakah erti dunia?’, ‘Mengapa kita dihantar ke dunia ini?’, ‘Apakah misi dan tugas kita di sini?’, ‘Ke mana kita hendak pergi selepas dunia?’ Kita boleh tahu jawapan yang meyakinkan kepada soalan-soalan yang semua orang persoalkan ini hanya melalui para nabi.”

Rayyan pun mengambil peluang untuk bertanya, “Cikgu, bagaimana kita boleh beriman? Adakah kita hanya percaya dalam diri sendiri?”

Cikgu Yusuf gembira kerana para pelajar menunjukkan minat dan saling berinteraksi dalam kelasnya,

“Kamu telah bertanya satu perkara yang penting, Rayyan. Iman itu dibenarkan dengan hati, tetapi dinyatakan dengan lisan. Hati ialah pusat rohani lokasi iman menetap dan berakar umbi. Lidah pula adalah alat yang menggambarkan keadaan keimanan di dalam hati. Hati tempat terletaknya iman kita mempunyai struktur rohani. Jangan kita kelirukan hati ini dengan organ yang mengepam darah ke badan kita iaitu jantung yang sebesar penumbuk ini wahai sahabat sekalian!”

“Kalian semua telah menyatakan dengan baik aspek dan ciri yang berbeza tentang iman. Kalau begitu izinkan saya meringkaskan apa yang kamu semua katakan: *‘Iman bermakna menerima apa yang dibawa oleh Nabi kita Muhammad s.a.w. daripada Allah sebagai rasul dan beriman dengannya sepenuh hati.’* Seseorang itu mengikhlaskan keyakinannya dengan hati dan menyatakannya dengan lidah apabila beriman.”

“Semua nabi mengajar manusia mempercayai bahawa Allah itu wujud dan Esa dengan perintah yang mereka terima daripada Allah. Seiring mengajarkan kita tentang kewujudan Tuhan kita, Nabi Muhammad s.a.w. juga mengajarkan kita bahawa Dia juga Maha Esa, tidak mempunyai sekutu atau penolong. Kita namakan ini sebagai aqidah Tauhid. Islam adalah agama Tauhid.”

Hasan pula melontarkan soalan, “Apakah Tauhid itu, cikgu? Boleh cikgu jelaskan sedikit?”

“Tauhid bermaksud mengesakan Allah iaitu menerima dan beriman akan keesaan Allah. Tauhid ialah prinsip yang sangat penting dalam agama kita. Seseorang yang ingin memeluk Islam hendaklah mengucapkan kalimah tauhid iaitu *‘La ilaha illallah Muhammadur Rasulullah’* dengan penuh ikhlas. Dalam ayat pertama pernyataan ini, dinyatakan bahawa tiada tuhan selain Allah, dan pada pernyataan kedua menyatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. ialah rasul-Nya. Jika seseorang itu belum mengucapkan kalimah syahadah dengan pernyataan ini, dia belum dianggap beriman.”

Ahmad meminta untuk bersuara, “Cikgu, boleh saya ceritakan kejadian yang saya alami mengenai perkara ini pada hujung minggu lepas?”

“Silakan, Ahmad!”

“Cikgu, kami sekeluarga pergi ke Masjid Hagia Sophia pada hujung minggu lepas. Satu kejadian menarik terjadi di masjid yang tersergam indah itu. Seorang pelancong muda Jerman bernama Fredy sedang mengkaji tentang Islam dan memutuskan untuk menjadi seorang Muslim. Dia datang menemui imam Masjid Hagia Sophia bersama-sama rakan-rakan Turki yang dia kenali dan merupakan jirannya di Hamburg, Jerman. Bersebelahan mihrab tempat imam mengimamkan solat, saya menyaksikan langkah pertamanya memeluk Islam di hadapan orang ramai.”

Fateh, “Wah, kalaulah saya pun ada di sana juga! Sangat menarik!”

Cikgu Yusuf berkata, “Ahmad, boleh awak sambung lagi ceritanya?”

“Baik cikgu, imam terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada pemuda itu. Rakan-rakan Muslim pemuda itu sedang menterjemahkan kata-kata antara pemuda itu dengan imam. Kemudian imam memberitahu pemuda tersebut tentang keindahan Islam dan bertanya kepadanya mengapa dia memilih Islam.”

“Remaja Jerman itu pun menunjuk kepada rakan-rakan di sebelahnya dan berkata, “Sebab paling besar ialah jiran-jiran dan rakan-rakan Muslim saya di sekolah. Kehidupan mereka yang indah, struktur keluarga, kemanusiaan mereka, adab kejiranan, belas kasihan dan keadilan mereka sangat mengagumkan saya.”

“Kemudian saya mula meneliti agama mereka. Semakin saya mengkaji Islam dengan meneliti Al-Quran dan Nabi Muhammad s.a.w, semakin saya menyukainya dan semakin itulah saya rasa ingin tahu lalu membuatkan saya mengkajinya lebih lagi. Dengan niat ini, saya datang untuk melihat Turkiye

juga. Masjid dan azan di Istanbul juga sangat mengagumkan saya, dan hari ini saya memutuskan untuk menjadi seorang Muslim, Alhamdulillah,” katanya.”

“Selepas mengucapkan tahniah kepada pemuda itu sekali lagi, imam menjelaskan kepadanya kepentingan Kalimah Syahadah dan berkata, “Kamu ulangi perkataan ini dengan kami.” Kami yang berada di sana juga telah mengucap Kalimah Syahadah tersebut. Kami berkata, “*Asyhadu an la ilaha illallah wa ashhadu anna Muhammadan abduhu wa rasuluhu.*” Cikgu nak tahu? Saya benar-benar terharu. Kemudian semua yang ada di situ memeluk dan mengucapkan tahniah kepada pemuda Islam yang baharu ini. Saya masih tidak dapat melupakan air mata kegembiraan yang mengalir daripada mata pelancong muda itu.”

“Kamu benar-benar telah merasai suatu peristiwa yang mengharukan di situ. Alhamdulillah, seorang lagi saudara kita telah dimuliakan dengan Islam. Alangkah indahnya!” kata Cikgu Yusuf.

Salim yang dengar sahaja dari tadi tiba-tiba bersuara, “Cikgu, apakah ertinya dimuliakan dengan Islam?”

“Soalan yang baik sekali. Sahabat sekalian, beriman dan menerima Allah adalah kewajiban pertama kita semua. Kerana ini adalah tujuan terpenting kita dilahirkan ke bumi. Tuhan Yang Maha Kuasa telah mencipta alam semesta ini untuk memperkenalkan diri-Nya, memberitahu tentang-Nya dan membuat kita mencintai-Nya. Dia telah mengutus semua nabi untuk mengajak manusia kepada iman,” ujar Cikgu Yusuf.

Tambah lagi Cikgu Yusuf, “Nah, seorang insan yang mengenali iman melalui Kalimah Syahadah merupakan kebenaran terbesar alam semesta. Dia menerima Allah sebagai Tuhannya dan berserah kepada-Nya. Dia tahu segala-galanya datang daripada Allah. Dengan iman, dia faham bahawa Allah-lah yang menciptakan dirinya dan memberikan segala nikmat seperti tangan, lidah, mata, akal, hati, ibu, bapa dan tanah air.”

“Maka terjalinlah ikatan keimanan antara dia dan penciptanya. Ikatan iman ini ialah nilai kita yang paling mulia

dan dihormati. Kemuliaan di dalam Islam adalah bukan soal harta, bangsa, pangkat, keturunan atau kekayaan. Kemuliaan sebenar dalam Islam adalah dengan iman dan islam. Begitulah maksudnya Fredy telah diberi kemuliaan dengan Islam.”

“Oh, cikgu, saya hampir terlupa. Fredy berkata dia mahu menukar namanya apabila dia menjadi Muslim. Imam berkata, “Ya boleh, terserah kepada kamu.” Imam itu pun memberitahu bahawa Nabi Isa a.s. berabad-abad yang lalu telah memberi khabar gembira mengenai kemunculan Nabi Muhammad s.a.w. dan namanya dalam Bible ialah Ahmad. Dia menawarkan nama ini kepada Fredy. Maka Fredy juga dengan senang hati menerima nama Ahmad.”

Cikgu Yusuf berkata, “Oh, katakanlah kepada Ahmad, dia telah menjadi saudara dalam agama kita dan senama dengan nama kamu.”

“Ya, cikgu, ia adalah hari indah yang saya tidak dapat lupakan sepanjang hayat saya. Kini, setiap kali saya teringat tentang Masjid Hagia Sophia, saya juga akan teringat tentang Ahmad yang baru masuk Islam itu.”

Cikgu Yusuf pun berpaling ke seluruh kelas, “Saya amat berterima kasih kepada Ahmad. Dia telah kongsi dengan kita satu peristiwa bermakna yang memberi kesan kepada kita semua. Dia ceritakan kepada kita sambil menghayati betapa indahnya keimanan. Sahabat yang dikasihi, iman itu seperti matahari. Ia menerangi kedua-dua bahagian dalam dan luar seseorang yang berada dalam kegelapan.”

“Kerana iman, seseorang menjadi manusia sebenar dengan menghayati nilai-nilai akhlak yang diajarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sebagai tauladan kepada semua manusia. Mereka mempelajari dan menghayati apa itu kemanusiaan, belas kasihan, kebersihan, pengorbanan, kesetiaan serta kesopanan.”

“Di sini, anda melihatnya! Betapa indahnya orang Islam yang hidup di negara asing mempengaruhi orang lain. Mereka menghangatkan hati orang sekeliling kepada Islam. Saya rasa

kita patut mengucapkan tahniah kepada jiran-jiran Muslim dan rakan-rakan pemuda Jerman itu. Kerana keindahan dan kebenaran Islam yang mereka hayati menarik hati masyarakat sekeliling.”

Nusaibah minta izin bercakap, “Cikgu, adakah terdapat jenis dan darjat iman?”

Seluruh kelas menunggu jawapan kepada soalan sensasi ini dengan mata bersinar sambil diam. Pada masa itu, loceng rehat berbunyi dan Cikgu Yusuf berkata, “Kawan-kawan, jika tidak keberatan, mari kita jawab soalan yang bagus ini dalam pelajaran kita pada hari Rabu,” kata Cikgu Yusuf lalu menamatkan kelasnya.



Ada ke jenis dan darjat iman, cikgu?

Tiga Perkara Utama yang Memperkenalkan kita kepada Tuhan

Para pelajar mengambil beg masing-masing dan keluar dari kelas perlahan-lahan. Empat atau lima orang pelajar bercakap antara mereka dan menuju ke arah kedai buku di seberang hadapan sekolah. Apabila mereka masuk, mereka mendapati Tok Osman sedang membaca buku di meja sekali lagi. *Snowflake* dengan kecomelannya juga ada di sana seperti biasa. Tok Osman lalu menyambut mereka dan berkata,

“Selamat datang, anak-anak muda!” Dia menyambut mereka dengan senyuman.

Di atas meja Tok Osman, terdapat bunga wangi berwarna-warni di dalam pasu. Semasa Fateh ingin meminta izin daripada datuknya untuk menghidu bunga di dalam pasu itu, secara tidak sengaja dia terlanggar pasu itu. Tiba-tiba pasu itu jatuh bergolek di atas meja. Ia tidak terus pecah tetapi kerana bunyi itu, *Snowflake* mengeong sambil melompat ke pangkuan Tok Osman. Suasana tiba-tiba menjadi kecoh. Semua orang memandang Fateh. Apabila Fateh terperanjat melihat

Melihat di Sebalik Epal



datuknya, semua anak muda mula ketawa. Fateh dengan wajah tersenyum pun berkata,

“Aduhhh atuk, saya minta maaf, kaki saya tiba-tiba tersandung!”

Tok Osman berkata dengan nada yang memahami,

“Perkara seperti itu boleh berlaku, tidak mengapa Fateh. Kita semua manusia. Sudah tentu kita juga ada melakukan kesilapan. Yang pentingnya ialah kemanusiaan. Menunjukkan rasa hormat dan kasih sayang antara satu sama lain. Seorang Muslim itu dicintai kerana bahasanya yang sopan, wajahnya yang tersenyum dan sikapnya yang memahami. Bak kata nenek moyang kita, “Sesiapa yang mencari sahabat yang sempurna, maka dia tidak akan menjumpainya.”

“Ya, apa khabar? adakah kalian baik-baik sahaja? *Masya-Allah* saya melihat kamu semua baik-baik. Bagaimana kelas kalian di sekolah?”

Hasan membalas,

“*Alhamdulillah*, Tok Osman semuanya berjalan lancar. Dalam pelajaran lepas, kami telah membincangkan subjek beriman kepada Allah. Apabila kami menyedari kepentingan iman, kami tertanya-tanya apakah jenis buku yang boleh kami baca mengenai perkara ini. Lalu kami datang ke sini bersama kawan-kawan.”

“Anak-anak muda, pertama sekali, saya ucapkan tahniah kepada kamu semua. Saya nak tolong kamu semua. Seseorang yang faham dan sedar akan kepentingan mencapai iman yang

kuat juga akan tertanya-tanya bagaimana untuk menguatkan imannya.”

“Tujuan terbesar kita diciptakan adalah untuk beriman kepada Allah dan beribadah kepada-Nya. Kita memang perlu kuatkan iman kita. Terdapat tiga perkara besar yang memperkenalkan kita kepada Tuhan kita melalui iman. Pertama sekali, kita mesti memahami perkara-perkara itu dan mempelajarinya,” jawab Tok Osman dengan semangat.



Ibrahim pula mencelah, “Apakah 3 perkara itu, Tok Osman?”

“Tiga perkara besar yang mengenalkan Tuhan kita ini ialah pertama kitab alam semesta, yang kedua ialah Nabi Muhammad s.a.w. dan yang ketiga ialah Al-Qur’an,” kata Tok Osman sambil mengira dengan jari.

“Alam semesta adalah seperti sebuah buku yang memperkenalkan dan membuat kita mencintai Tuhan kita dengan segala isinya. Kita juga harus membaca dan mengkaji kitab alam semesta ini. Kita perlu melihat segala sesuatu di alam semesta dengan pandangan ibrah dan mencari pengajaran daripadanya.”

“Kita boleh ketahui seperti yang ditunjukkan oleh Allah s.w.t di dalam Al-Quran dan sebagaimana yang diajarkan oleh Nabi kita s.a.w. melalui kehidupannya. Kita gelarkan aktiviti berfikir yang secara menyeluruh ini sebagai “*tafakkur*.” Anak-anak muda sekalian, nak tak atuk ceritakan salah satu contoh *tafakkur* yang disebutkan dalam Al-Quran?”

Para pelajar tersebut secara serentak berkata, “Nakk!”

Ibrahim yang begitu teruja menambah, “Tok Osman, jika

tak keberatan, bolehkah contoh *tafakkur* itu berkaitan dengan kehidupan salah seorang nabi?”

Sementara itu, pekerja kedai buku yang melihat perbualan yang semakin mendalam itu membawakan teh panas dan kacang ke meja. Tok Osman mengucapkan terima kasih kepada pekerja tersebut dan memintanya menghidangkan teh terlebih dahulu kepada golongan muda yang akan menjadi orang dewasa pada masa hadapan. Tok Osman kemudian menyambung,

“Baiklah, kenapa tidak Ibrahim? Pertama sekali, silalah makan kacang-kacang di sebelah teh panas ini. Contoh kita boleh ambil daripada peristiwa yang berlaku kepada Nabi Ibrahim a.s.”

Mustafa yang berpaling kepada Ibrahim kemudiannya berbisik, “Lihat, Ibrahim, itu cerita yang berkaitan dengan nama kau.” Lalu Tok Osman bercerita dengan nada penuh kasih sayang,

“Anak-anak muda yang dikasihi, Nabi Ibrahim ialah seorang pemuda seperti kamu semua. Pada zaman baginda, kepercayaan kepada Allah kelihatan asing. Masyarakat sekitarnya menyembah berhala. Sebaliknya Nabi Ibrahim a.s. berfikir bahawa menyembah berhala adalah sesuatu yang tidak masuk akal lalu baginda pun mencari Tuhannya.”

“Pada suatu malam, baginda melihat bintang yang terang di langit dan mula berfikir, “Mungkinkah ini boleh menjadi Tuhanku?” Apabila baginda melihat bintang itu tenggelam dan hilang di langit selepas beberapa ketika, baginda berkata, “Aku tidak suka sesuatu yang terbenam. Bintang ini tidak boleh menjadi Tuhanku.”

“Nabi Ibrahim a.s. kemudian melihat bulan terang di langit. Sekali lagi baginda berkata, “Aku tertanya-tanya adakah ini boleh menjadi Tuhanku?” Baginda a.s. berfikir dalam-dalam. Kemudian, pada waktu pagi, baginda menyedari bahawa ia juga telah tenggelam dan hilang. Katanya, “Bulan juga tidak boleh menjadi Tuhanku.” Kemudian Nabi Ibrahim a.s. berdoa kepada Allah Taala, “Ya Tuhan, jika Engkau tidak menunjukkan kepadaku jalan yang benar, pasti aku tidak akan menemukannya.”



Fateh dengan teruja berkata,

“Bagaimana Nabi Ibrahim a.s. boleh jumpa Allah selepas berdoa, atuk?”

Tok Osman menjawab,

“Ya Fateh, benar katamu, atuk juga baru nak cakap pasal itu. Ketika pagi dan matahari terbit dengan segala sinaran cahayanya, Nabi Ibrahim a.s. berkata, “Matahari itu sangat besar. Mungkinkah dia boleh menjadi Tuhanku?” baginda berfikir.”

“Kemudian, apabila baginda melihat matahari telah terbenam di waktu petang, baginda memahami bahawa Pencipta yang Agung pasti mempunyai sifat yang tidak tenggelam, tidak padam, tidak hilang, dan tidak akan lenyap. Lalu Nabi Ibrahim a.s. pun berdoa, “Aku menghadapkan wajahku kepada Allah yang menciptakan langit dan bumi,” lalu baginda menemui Allah s.w.t.”

Mustafa pula bersuara,

“Tengok, alangkah menariknya! Nabi Ibrahim a.s. membaca kitab alam semesta dan berusaha mencari Tuhannya. Dengan *tafakkur* ini, baginda mengajarkan kita apakah ciri-ciri yang mesti ada pada Tuhan yang sebenar.”

Fateh yang mendengar cerita dari tadi mula bertanya,

“Atuk, ada manusia di dunia ini yang tidak percaya kewujudan Tuhan. Bagaimanakah mereka nanti?”

“Ya, itu satu soalan yang bagus juga. Anak muda sekalian, kita semua dalam ujian. Tuhan kita telah memberi kita kebebasan untuk percaya atau tidak. Ada orang yang melihat ciptaan Allah dan menemuinya, seperti Nabi Ibrahim a.s. dan orang-orang yang mengikutinya.”

“Tetapi ada juga yang tidak menerima Allah atas alasan-alasan yang berbeza. Tuhan kita telah memberikan manusia akal dan jangka hayat tertentu. Dia telah meletakkan dunia yang penuh dengan karya-Nya, nikmat dan layanan di hadapan semua orang. Dia memberikan kehendak dan pilihan kepada manusia. Apabila seseorang menilai dengan fikiran dan hati nuraninya, dia tahu bahawa jarum jahit biasa pun tidak boleh tercipta dengan sendirinya. Malah jarum pun mempunyai tukang pembuatnya.”

“Anak-anak muda sekalian, kita semua percaya bahawa Allah wujud bukan kerana semua orang percaya begitu. Kita sememangnya percaya “Allah itu wujud” dengan sebenar-benarnya. Dan kita ada buktinya. Kita percaya kewujudan Allah dengan bukti dan dalil-dalil. Lagipun sangat mudah untuk membuktikan kewujudan sesuatu yang wujud.”

Mustafa sedikit terkejut lalu berkata,

“Saya tidak begitu faham, Tok Osman,” katanya.

Tok Osman mengeluarkan kamus istilah dari rak tepi dan menyerahkannya kepada Mustafa.

“Mustafa, bolehkah kamu mencari istilah ‘Allah’ dalam kamus ini?”

Mustafa segera menemui bab huruf A dan menemui kalimah Allah. “Saya telah menemuinya, tok. Pada muka surat lapan,” katanya.

Tok Osman membalas,

“Oleh kerana istilah Allah wujud dalam kamus itu, kamu dapat menemukannya dengan mudah. Sekarang cuba buktikan kepada kita bahawa istilah Allah tiada dalam kamus yang sama.”

Mustafa pun berkata,

“Tok Osman, itu sangat sukar. Saya perlu menunjukkan bahawa istilah itu tidak wujud pada semua halaman kamus ini.”

“Ya, anak-anak sekalian, memang mudah untuk membuktikan kewujudan sesuatu, tetapi susah untuk membuktikan ketiadaannya. Kita orang Islam dengan mudah boleh membuktikan kewujudan Allah, tetapi orang yang tidak beriman tidak dapat membuktikan ketiadaan Allah.”

Tok Osman mengiringi anak-anak muda itu ke arah pintu kedai lalu berkata sambil menunjukkan matahari yang sedang bersinar di luar,

“Wahai anak-anak sekalian, jika sesetengah orang menutup mata mereka terhadap matahari pada waktu siang, adakah matahari akan hilang?” Mereka pun berkata,

“Tidak, hanya mereka yang tidak melihat matahari. Matahari masih ada.”

Tok Osman menoleh ke arah Fateh,

“Beginilah Fateh, mereka yang tidak beriman hanya menutup mata mereka kepada Allah, yang kewujudannya jelas seperti matahari.”

Adakah Terdapat Darjat pada Iman?

Pada hari Rabu, biasanya Cikgu Yusuf ada kelas sekali lagi dengan mereka. Cikgu Yusuf seperti biasa bertanyakan keadaan dan kesihatan para pelajarinya. Kemudian beliau berpaling kepada Nusaibah yang telah bertanya soalan dalam pelajaran lepas,

“Nusaibah, kamu telah bertanya soalan pada kelas sebelum ini kan? Cikgu tidak dapat menjawab kerana loceng sudah berbunyi. Bolehkah kamu ulang semula soalan kamu tempoh hari?”

“Cikgu, masa itu saya bertanya adakah terdapat jenis dan darjat iman?”

Cikgu Yusuf berkata, “Hari ini sungguh cerah, kalau kamu semua mahu, mari kita jawab soalan ini sambil duduk di bawah pohon berangan di taman sekolah.”

Cikgu Yusuf membawa seluruh kelas keluar ke taman. Waktu itu ialah bulan Oktober tetapi harinya seperti hari pada musim panas. Mereka duduk di dalam pondok berbumbung

Melihat di Sebalik Epal

dan meneruskan perbualan. Kejutan menanti pelajar dalam pondok berbumbung itu. Terdapat kira-kira 20 buah epal merah di atas dulang yang cantik, yang telah masak ranum dan bersaiz besar.

Cikgu Yusuf mengajak, “Mari kita makan epal ini dahulu, dan kemudian kita berbual tentang jenis-jenis iman yang berasal daripada darjah keimanan yang berbeza. Said, cikgu telah basuh epal-epal ini tadi, bolehkah berikan epal ini kepada rakan kamu?”


Ketua kelas iaitu Said mengambil dulang itu dan mengedarkannya kepada rakan-rakan. Setiap orang mengambil sebiji epal.

“Mari, *Bismillah* kawan-kawan, silakan!” kata Cikgu Yusuf dengan gembira.

Mereka mula memakan epal itu. Mereka semua mengucapkan terima kasih kepada guru mereka. Terutamanya Fateh, “Cikgu, epal ini memang sedap,” katanya.

Semasa Cikgu Yusuf sedang makan epal, beliau berkata, “Selamat menjamu selera!”

“Tuhan kitalah yang telah menghantar kepada kita semua epal ini sebagai pemberian nikmat-Nya. Ucapan terima kasih yang sebenar kita tujukan kepada-Nya. Cuma, cikgu ada satu permintaan daripada kamu semua, apabila epal kamu habis, ambil biji benih di dalamnya dan jangan kita buang ya.”



Apabila epal itu habis, mereka menyambung pelajaran mereka. Cikgu Yusuf mengeluarkan lima atau enam biji benih daripada epalnya sendiri. Beliau menyuruh mereka juga mengeluarkannya. Setiap orang mempunyai biji benih berwarna gelap pada tapak tangan mereka.

“Wahai murid-murid, kita bercakap tentang tahap keimanan yang berbeza. Biji benih epal ini boleh jadi penunjuk bagi kita dalam hal ini. Mari kita fikirkan. Jika kita membuang mana-mana benih epal yang kita ada di dalam tanah sambil memenuhi segala syarat-syarat menanamnya, benih itu akan bercambah di dalam tanah terlebih dahulu. Selepas beberapa ketika, ia menjadi anak pokok dan kemudian pokok kecil. Ia akan menjadi lebih kuat apabila ia menjadi lebih besar sedikit. Akhirnya, ia menjadi pokok epal besar dengan buah dan ada bayang-bayangnye sendiri. Sebenarnya, semua darjah ini ialah peringkat-peringkat bagi pokok epal tumbuh.”

“Sahabat-sahabat sekalian, sebagaimana terdapat banyak peringkat dan tahap antara biji benih dan pokok epal ini, begitu jugalah terdapat darjat dan peringkat dalam iman. Seseorang dapat meninggikan dan menguatkan imannya dengan berusaha.”

“Kepada Nusaibah, cikgu nak tanya kamu satu soalan. Manakah lebih sukar? Mencabut anak pokok epal nipis dari tanah atau pokok epal yang berakar umbi yang telah kukuh di dalam tanah?”

“Sudah tentu, lebih sukar untuk mencabut pokok epal, cikgu.”

“Benar. Tidak mudah untuk mencabut pokok yang akarnya sudah matang dan telah membiak jauh ke dalam tanah. Maka apabila iman semakin kuat, ia juga akan berakar hingga ke dalam bahagian rohani seseorang. Ia akan menetap teguh dengan cara yang tidak boleh dialih keluar lagi. Mari kita fikirkan tentang pokok Chenar yang kita duduk di bawahnya ini pula. Akarnya menjalar ke seluruh tempat. Bolehkah pokok sebegini mudah dicabut?”

Mustafa pula bertanya, “Cikgu, adakah iman dibahagikan kepada jenis mengikut tahap perkembangan ini?”

“Ya betul. Iman terbahagi kepada dua mengikut tahap perkembangan. Iman pada dasarnya ada dua jenis, iman yang lemah dan yang kuat. Biar cikgu cuba jelaskan perkara ini kepada kamu melalui contoh untuk lebih memahami iman yang lemah dan kuat.”

“Anak-anak pelajar yang dikasihi, jika seorang kaya datang ke bazar dengan sejumlah besar barangan yang berbeza, kita boleh memahami bahawa barangan itu adalah milik orang itu dalam dua cara. Pertama adalah dengan melihat secara umumnya, iaitu dengan berfikir bahawa “kalaulah ada barang sebanyak ini, pastilah semua ini milik orang kaya. Harta yang sebanyak ini tidak mungkin milik orang lain selain orang kaya tersebut.”

“Tetapi cikgu, bukankah pandangan ini adalah satu generalisasi?” ujar Salim kepada cikgunya.

“Benar, pandangan ini hanyalah pandangan yang melihat secara umum dan membuat keputusan dengan membuat generalisasi. Kerana seseorang boleh berkata kepada orang yang berfikiran seperti itu, “Barang yang kamu lihat bukanlah milik orang itu, tetapi milik lelaki itu dan begini.” atau “Sesetengah barang itu adalah milik orang lain,” orang yang berfikiran cetek itu pasti akan segera meragui dan berkata, “Oh boleh jadi juga ya?” kerana dia tidak mempunyai bukti.”

“Lalu apakah cara kedua, cikgu?” tanya Salim lagi.

“Cara lain pula adalah dengan mengkaji dan mencari buktinya. Seseorang yang menggunakan cara ini akan melihat lambang pemilik pada setiap harta. Dia melihat cop mohor orang itu dan mengenali pemilik harta itu. Dengan cara ini, dia memahami dengan jelas bahawa setiap barang itu adalah milik orang itu. Dia tidak akan sesekali bertanya, “Adakah barang-barang ini benar-benar miliknya?” dan meragunya.”

“Jika seseorang ingin membuatnya ragu-ragu, dia akan segera menunjukkan logo pemilik barang itu dan berkata,

“Harta ini dan segala-galanya di sini mempunyai logonya daripada yang paling kecil hingga yang paling besar. Barang-barang ini semuanya adalah miliknya,” katanya dan membuktikannya.”



“Sahabat yang dikasihi, seperti ini juga, iman ada dua jenis dalam

darjat. Pertama ialah iman yang diperoleh tanpa menyelidiki kewujudan dan keesaan Allah s.w.t. Dengan kata lain, dia menerima kewujudan dan keesaan Allah dengan melihat, mendengar dan mencontohi ibu bapa, kaum kerabat dan sekeliling. Ini juga dipanggil iman yang diperoleh secara *taqlidi*³. Iman ini lemah. Seseorang yang mempunyai tahap iman ini akan berkata, “Tuhan itu wujud dan Esa,” dan dia merasakan tak perlu untuk mengkaji, malah dia akan terima sahaja. Orang yang mempunyai tahap iman ini mudah jatuh ke dalam keraguan.”

Ibrahim mengangkat tangannya dan bertanya,

“Cikgu, bolehkah seseorang membuktikan imannya dengan iman taqlidi?”

“Soalan yang baik. Kawan-kawan, sayangnya, disebabkan iman secara taqlidi tidak mencari bukti, seseorang tidak dapat membuktikan bahawa Allah adalah Pemilik dan Pencipta segala-galanya. Itulah sebabnya orang mudah meragui imannya sendiri. Ya, anak murid, kini kita telah memahami akidah yang kita pelajari dari persekitaran kita hanya keimanan secara taqlidi. Maka mari kita mencari apakah ciri-ciri iman yang kukuh darjatnya.”

Ketua kelas Said pun bersuara,

3.Perkataan bahasa Arab bermaksud meniru-niru.

“Cikgu, berdasarkan apa yang cikgu ajar, iman yang kuat mestilah dengan mengkaji, mencari jawapan dan membuktikan, bukan?”

“Ya. Benar sekali!”

Khadijah juga bersuara,

“Melalui penyelidikan, pengkajian dan persoalan, kita akan menemui bukti kewujudan dan keesaan Tuhan kita ke, cikgu?”

Cikgu Yusuf menjawab soalan,

“Sangat bagus. Ciri-ciri iman yang kuat nampaknya mula muncul. Ya, kawan-kawan sekalian, bagi iman yang kuat, perlu ada kajian terlebih dahulu. Kewujudan dan keesaan Allah diketahui melalui dengan cara menyelidik. Seseorang yang mencapai tahap keyakinan yang kuat ini tahu dengan pasti bahawa pemilik segala-galanya adalah Allah s.w.t. Sebab dia memiliki bukti-bukti.”

“Dengan bukti-bukti ini, dia dengan tegas mengakui bahawa Allah-lah yang mencipta dan mengurus semua makhluk-Nya. Dia melihat, mengetahui dan meneliti dalil-dalil yang menunjukkan kepada Allah pada semua makhluk. Dia mempercayainya tanpa sebarang keraguan. Apa sahaja yang dilihat orang ini, dia melihat dan menunjukkan bahawa ia adalah milik Allah. Seseorang yang telah mencapai tahap iman ini tidak ragu-ragu kerana dia mempunyai kepercayaan yang tidak akan goyah. Apabila keimanan seperti itu semakin kuat, ia menetap di dalam hati seseorang serta berakar dengan kukuh. Sangat sukar untuk mencabutnya.”

Ain seorang pendiam di dalam kelas tiba-tiba bersuara,

“Cikgu, bolehkah jelaskan sedikit lagi tentang apa maksud iman menetap di dalam hati kita? Apakah contoh lain yang boleh kami berikan apabila kami mahu menceritakan perkara ini kepada orang lain?”

Fateh juga menyokong,

“Ya cikgu, saya juga ingin tahu tentang soalan Ain. Kita membiarkan iman kita menjadi sangat kuat dan kukuh dalam

diri kita sampai ia tidak akan pernah meninggalkan kita supaya kita tidak ragu-ragu lagi.”


“Ya, baik sekali apa yang telah kamu perkatakan itu. Fikiran kamu untuk membantu orang lain dalam hal ini adalah satu sikap yang baik. Kawan-kawan, mari kita fikirkan begini:

Iman adalah seperti makanan rohani yang diperlukan oleh hati kita. Fikirkan epal di atas dulang itu! Ain, cuba ambil satu epal. Sekarang, bolehkah seseorang ambil epal itu dengan merampas daripada kamu dengan cara yang berbeza?” kata Cikgu Yusuf.

“Ya, cikgu, dia boleh mengambilnya secara paksa.”

“Betul, ia boleh terjadi. Jadi sekarang, jika kamu makan epal itu, kamu hadamkan ia, epal itu pun bercampur dengan darah kamu dan meresap ke dalam sel kamu, bolehkah sesiapa mengambil epal itu daripada kamu sekarang?”

Ain dengan pantas menjawab, “Tidak, dia tidak boleh, cikgu! Tiada siapa yang boleh mengambil epal ini daripada saya, yang kini telah menjadi sebahagian daripada saya.” Cikgu Yusuf pun berkata lagi,



“Justeru, beginilah kuatnya iman. Iman yang kuat akan berakar umbi dalam hati seseorang. Di sana, ia berakar dan kukuh seperti pohon berangan. Tiada siapa yang boleh menghilangkan iman yang kuat yang dipelajari dan dihayati oleh seseorang dengan semua perasaannya.”

Fateh yang sangat menyukai contoh itu dengan teruja berkata,

“Ya, cikgu, tiada siapa yang boleh merampas kepercayaan seperti itu daripada hati kami dengan izin Allah.”

Said pun bersuara dengan nada tegas,

“Cikgu, saya kini lebih memahami mengapa sesetengah orang ragu-ragu tentang perkara iman. Apabila iman kita lemah, kita akan langsung terjejas. Kalau begitu saya pun ingin menguatkan iman saya,” katanya.

Cikgu Yusuf mengangguk bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Said,

“Sahabat yang dikasihi, orang yang kuat imannya dapat melihat kewujudan dan keesaan Allah dalam setiap perkara yang dilihatnya. Sebagai contoh, mari kita lihat sekolah kita yang berdiri di hadapan kita! Ia telah dibangunkan lebih daripada satu abad. Kita tidak melihat jurutera yang membina bangunan ini. Kita tidak pernah pun berkenalan dengannya. Namun, kita pasti seperti pasti dengan nama kita sendiri bahawa ada jurutera yang merancang dan membina bangunan ini, bukan?”

Pelajar-pelajar pun menyahut,


“Sudah tentu, Cikgu! Bagaimana mungkin bangunan yang indah ini terbina dengan sendirinya?”

“Betul tu sahabat sekalian. Bongkah batu bangunan ini tidak boleh disatukan dengan sendirinya untuk membuat bangunan ini. Bangunan yang indah dan luas ini mestilah

Melihat di Sebeli

dibuat oleh seseorang yang bukan daripada jenis bangunan ini, yang tahu bahawa orang akan tinggal di dalamnya, yang mengenali manusia.”

“Dengan pengetahuannya, dia mula-mula membina asas bangunan, kemudian dinding, dan akhirnya bumbung. Walaupun kita tidak nampak jurutera bangunan tersebut, kita boleh mencari ciri-ciri jurutera itu berdasarkan ciri-ciri bangunan ini. Kita boleh memahami pelbagai aspek mengenainya.”



Melihat Epal Atau Melihat di sebalik Epal?

Kelas berjalan dengan penuh keterujaan. Said sekali lagi meminta untuk bercakap,

“Cikgu, bolehkah kami melakukan latihan berfikir lain yang akan membawa kami kepada iman yang kuat?”

“Sudah tentu! Baiklah, sebagai contoh, mari kita fikirkan mengenai epal yang kita makan! Orang yang imannya kuat akan menyedari bahawa ada perkara yang berkaitan dengan rasa dan emosi manusia seperti bentuk, warna, bau dan rasa epal itu sambil merenung tentang epal tersebut. Tidakkah kita semua perasan semasa kita makan epal tadi?”

“Epal yang besar, cantik, berjus, wangi dan lazat. Kemudian manusia akan mula mencari sumber ciri ini dalam epal tersebut dan berkata, “Siapa yang mengasihi dan mengenali manusia sahaja yang boleh mencipta ciri ini dalam epal.”

“Sebagai contoh, seseorang yang mengetahui keperluan vitamin untuk kitalah yang boleh memberi kita sebiji epal. Kemudian dia melihat tanah, air, udara, pokok, yang terlibat dalam proses membuahkan epal. Adakah semua itu benar-benar boleh berfikir dan merancang ciri yang kita lihat dalam epal? Adakah mereka mempunyai kebolehan seperti itu? Dia akan bertanya soalan ini dan mencari jawapannya.”

Melihat di Sebalik Epal



“Hasil daripada kajian ini, dia akan menyedari bahawa bentuk epal, rasa dan baunya yang enak, dan rasanya yang lazat tidak akan boleh dibuat oleh pokok, tanah dan sebab-sebab lain yang tiada ilmu pengetahuan dan kesedaran akal.”

Melihat di Sebalik Epal

Cikgu Yusuf berhenti seketika untuk mengingati kembali pemerhatiannya dan meneruskan kata-katanya,

“Kawan-kawan, terdapat pandangan yang sangat penting dalam bab ini. Melihat kepada epal dan melihat di sebalik epal adalah dua perkara yang berbeza. Terdapat dua perspektif di sini. Jika kamu melihat kepada epal itu sahaja, kamu akan melihat ciri-ciri materialnya tanpa memikirkan Pencipta yang membuatnya. Kamu boleh bercakap tentang vitamin yang bermanfaat di dalam epal. Kamu tidak akan memikirkan siapa yang meletakkan vitamin berfaedah itu ke dalam epal. Kamu tidak dapat menyedari sepenuhnya tentang Allah yang mencipta epal dan menganugerahkannya kepada kita. Tetapi, apabila kamu melihat di sebalik epal, epal menjadi objek. Kamu akan tertanya-tanya tentang Pencipta objek itu.”

“Apabila kamu melihat di sebalik epal, epal itu menjadi sebuah karya seni. Kamu akan meneliti pembuat karya itu. “Siapakah yang menggantungkan buah yang cantik ini pada dahan untuk kita? Siapa yang menghias dalaman dan luaran buah itu sesuai perasaan kita? Siapa yang mengisi epal dengan vitamin sihat dan bermanfaat yang kita perlukan?”

“Kamu akan bertanya soalan dan mencari mengkaji Pencipta epal tersebut. Dari sudut perspektif ini, kamu akan memahami bahawa bentuk epal yang indah, rasa dan baunya yang harum lagi sedap, dan kelazatannya hanyalah boleh dilakukan oleh Allah, yang mengenali dan mengasihani kita.”

“Dengan perspektif itu, kamu tidak akan berkata “Alangkah cantiknya epal ini!” tetapi kamu akan berkata, “Betapa indahnya epal itu dibuat, betapa indahnya ia telah dicipta untuk kita!” Oleh itu, kamu boleh fahami bahawa kecantikan dan faedah epal tersebut bukan datang dari tanah, air atau udara, tetapi daripada Allah, Pemiliknya yang sebenar.”

“Kemudian, kamu akan tahu tentang kewujudan Tuhan kita yang Maha Pengasih, Pemurah, Berpengetahuan dan Berkuasa tanpa sempadan, yang menganugerahkan segala nikmat kepada kita seperti buah epal ini.”

Fateh dengan kegembiraan mempelajari sesuatu yang baharu,

“Cikgu, bolehkah saya memberitahu cikgu sesuatu tentang hal ini? Saya fikir ia ada kaitan dengan pelajaran kita.”

Cikgu Yusuf sambil menganggukan kepalanya,

“Silakan Fateh!”

“Ibu saya membuat kek yang cantik untuk adik saya pada hujung minggu kelmarin. Dia setahun lebih muda daripada saya. Datuk dan nenek saya juga datang ke rumah kami. Ia adalah kek yang lazat dengan coklat di dalam, krim di luar dan dihiasi dengan strawberi di bahagian atas.”

“Fateh, jangan kamu menggambarkan kek itu sampai membuatkan kami terliur!” gurau Mustafa.

“Maaf kawan-kawan, kalian benar, tetapi itulah cara saya perlu menjelaskannya. Ibu saya memang telah berusaha gigih untuk buat kek ini. Ketika kami hendak makan kek, datuk saya berkata, “Bolehkah kalian tunggu sebentar?” Kami dengan garpu yang berada di tangan dan mata kami hanya tertancap pada kek sambil mulut kami berair berkata, “Oh tapi atuk!” Kemudian datuk bertanya kepada adik saya,

“Cucuku yang jelita, bolehkah orang yang membuatkan kek yang sedap ini untuk kamu tetapi tidak menyayangi kamu?”

Adik perempuan saya melihat ibu saya,

“Mana mungkin atuk! Sudah tentu ibu saya sangat menyayangi saya!”

Lalu atuk saya menyambung,

“Bagus, kerana dia sudah menyayangi dan mengambil berat tentang kamulah dia membuat kek ini mengikut cara yang kamu suka, bukan?”



“Betul tu, atuk!”

“Maafkan atuk ya cucu-cucu atuk yang dikasihi kerana membuat kamu menunggu seketika. Sekarang atuk ingin berkongsi dengan kamu berdua satu pengajaran hidup yang tak boleh dilupakan. Mari kita fikirkan dengan cara ini, “Adakah kamu lebih mengingati ibu apabila kamu mengatakan betapa cantiknya kek itu atau apabila kamu mengatakan betapa indahnya perbuatan ibu kita membuatkan kek ini untuk kita?”

Saya dan adik saya serentak menjawab,

“Sudah tentu yang kedua itu, atuk!”

“Cucu-cucu atuk yang bijak, nah di sini perspektif kedua sangat berbeza. Dengan perspektif inilah kamu boleh memahami belas kasihan dan kasih sayang ibu kamu yang penuh penyayang kepada kamu. Hakikat bahawa dia meluangkan masa untuk membuatkan kek yang cantik ini untuk kamu. Apabila kamu mengatakan, “Cantiknya kek atau betapa cantiknya kek itu,” kamu hampir tidak memikirkan tentang orang yang melakukannya. Tetapi apabila kamu berkata, “Betapa indahnya kek itu dibuat, ia memang seperti yang saya nak,” kamu tidak akan melupakan ibu kamu yang membuat kek ini untuk kamu.”

“Ayuh, kita ucapkan Bismillah. Jom makan kek yang cantik ini dengan berterima kasih kepada ibu kamu. Selepas ini, atuk akan memberi kamu berdua hadiah yang atuk bawakan. Atuk rasa kamu pasti suka. Harap pada masa lain, atuk akan memberitahu kamu cara menggunakan perspektif ini semasa merenung alam semesta,” katanya. Cikgu, sekarang saya lebih faham dengan contoh epal ini, bahawa datuk saya ingin memberitahu kami perbezaan antara melihat kek dan melihat di sebalik kek itu.”

Cikgu Yusuf yang tekun mendengar mengukir senyumannya,

“Fateh, saya yakin betul bahawa datuk kamu sangat menyayangi kamu. Tidakkah datuk kamu menceritakan cerita yang lain?”

Fateh agak terkejut, “Seperti apa, cikgu?” katanya.

“Seperti perbezaan antara melihat hadiah dan melihat di sebalik hadiah,” ujar Cikgu Yusuf.

Fateh ketawa teruja, “Ya, oh betul lah, saya tak terfikir pula begitu!”

Said yang tekun mendengar pelajaran itu pun berkata,

“Cikgu, perspektif ini memang berbeza. Perspektif yang membawa manusia kepada Penciptanya. Terima kasih cikgu!”

Kelas hampir tamat, masa untuk loceng berbunyi semakin dekat. Cikgu Yusuf mengumumkan sesuatu kepada para pelajarinya,

“Murid-murid, saya ada berita baik untuk kamu esok.”

Kesemua mereka jadi ingin tahu,

“Apakah berita baik itu, Cikgu?”

“Tunggulah sehingga esok. Apabila kamu datang ke sekolah pada waktu pagi, saya akan berkongsi berita ini dengan kelas,” janji Cikgu Yusuf.

Mereka pun tertanya-tanya, “Agaknya apakah berita yang cikgu akan beritahu esok?” Mereka pulang dengan memikirkan hal itu. Mereka benar-benar ingin tahu berita yang akan diumumkan oleh Cikgu Yusuf selaku guru kelas mereka. Mereka mahu tahu mengenainya tetapi tiada apa yang boleh mereka lakukan. Beberapa orang pelajar pun berjanji untuk pulang dan berjumpa semula di kedai buku berhadapan sekolah selepas mereka makan.

Ain pulang ke rumah dan memberi salam kepada ibunya. Dia menukar pakaiannya dan setelah itu dia mula makan biskut epal yang baru dikeluarkan daripada ketuhar yang disediakan oleh ibunya setelah membaca bismillah. Apabila dia melihat biskut ini, contoh melihat epal dan melihat di sebalik epal itu muncul di fikirannya. Dia berkata kepada ibunya, “Ibu, sedapnya biskut yang ibu buat ini! Terima kasih ibu!” katanya.

Ibunya pun membalas, “Nikmati hidanganmu, wahai anakku. Ain, kamu apa khabar? Bagaimana hari kamu?” katanya memulakan perbualan bersama Ain. Apabila Ain pulang dari sekolah, ibunya biasa bertanya, “Adakah kamu bertanya kepada guru-guru kamu hari ini, anakku?”

Kemudian dia berkata, “Anakku yang cantik, tanpa soalan, tiada jawapan. Sangat penting untuk bertanya soalan yang sesuai. Ingat apa kata peribahasa kita. Dia pun berkata dengan melodi yang manis, ‘Kalau dia tak bertanya, dia takkan tahu. Kalau dia tahu, dia akan bertanya. Dia memang tak tahu, kerana itu dia tak tanya. Kalau dia bertanya, dia akan tahu.’”


Ain berkata, “Ya, saya dah bertanya ibu.” Ain menceritakan secara ringkas pelajaran Cikgu Yusuf yang dipelajari di sekolah kepada ibunya dengan perasaan teruja,

“Ibu, guru kami akan memberitahu satu berita baik esok. Saya ingin tahu sangat apakah berita itu? Kami semua tertanya-tanya apakah berita yang akan disampaikan kepada kelas kami nanti.”

Ibunya pun menjawab, “Rasa ingin tahu itu indah, tetapi sabar itu juga indah, anakku. Sabarlah sedikit, insya-Allah cikgu kamu akan beritahu berita tu esok. Barulah kamu menjadi tenang.”

“Ibu, kalau ibu izinkan, saya dah berjanji untuk berjumpa dengan rakan sekolah saya pada pukul empat di kedai buku di seberang sekolah kita,” kata Ain. Si ibu pun berkata,

“Baiklah, anakku. Ibu izinkan jika kamu pergi dan balik tepat pada masanya.”



Dialah salah satunya, Snowflake

Ain ingin pergi ke kedai buku, terutamanya untuk melihat *Snowflake*. Mereka bertemu di kedai buku pada pukul empat. Fatimah, Nusaibah, Rayyan dan Khadijah telah tiba tepat pada masanya seperti yang mereka janjikan. Kedai buku itu sunyi

sepi. Snowflake yang seperti penjaga kedai itu menyambut para pengunjung di pintu. *Snowflake* nampak lebih putih hari ini. Dia bersinar lebih terang apabila sinaran matahari petang menerpa bulunya.

Apabila anak-anak gadis itu sampai di sana, mereka melihat guru mereka Cikgu Yusuf juga berada di sana juga. Guru mereka sedang asyik berbual dengan perbualan yang serius dengan Tok Osman. Anak-anak gadis itu memberi salam kepadanya. Ain seorang yang pendiam, tetapi dia sangat mahir bertanya soalan yang tepat. Dia ingin bertanya soalan yang sudah lama bermain di fikirannya, alang-alang kedai buku itu masih sunyi dan gurunya berada di situ. Lalu,

“Tok Osman, boleh saya bertanya sesuatu?”

“Silakan Ain.”

“Mengapa atuk menamakan kucing atuk *Snowflake*?”

Tok Osman tersenyum, “Ya, kamu betul. Kamu tertanya-tanya mengapa kucing itu dipanggil *Snowflake* dan bukan kapas atau bukan manik mutiara. Cikgu Yusuf juga tahu jawapan mengenai soalan ini. Tetapi saya tidak tahu sama ada saya yang perlu memberi jawapan atau beliau yang patut menjawab?”

Cikgu Yusuf dengan hormat berkata,

“Guruku yang dihormati, silakan sahaja!”

Tok Osman pun menyambung jawapannya,

“Baiklah jika Cikgu Yusuf izinkan saya.”

“Kalau Ain nak tahu, sewaktu itu musim sejuk. Kami berbual dengan rakan-rakan kami termasuk Cikgu Yusuf di kedai pada petang yang bersalji dan sejuk. Tiba-tiba salji mula turun dengan banyak. Salji itu turun sehingga menampilkan pemandangan yang indah. Kami pun bangun daripada meja bersama rakan-rakan kami dan mula melihat salji yang turun dengan penuh ketakjuban. Kepingan salji berterbangan, masing-masing jatuh di tempat yang berbeza tanpa berlanggar antara satu sama lain.”



“Ketika itu bermulalah perbualan *tafakkur* antara kami. Kami bercakap tentang fakta bahawa setiap kepingan salji tidak pernah sama, setiap kepingan salji yang jatuh di bumi adalah unik, dan semua kepingan salji ini berbeza antara satu sama lain. Semasa kita bercakap tentang hakikat bahawa perbezaan ini adalah bukti keesaan Allah s.w.t dan pengetahuan-Nya yang tidak terhingga, satu perkara yang menarik berlaku.”

Para gadis itu jadi rasa nak tahu, “Apa yang berlaku, Tok Osman?”

“Tiba-tiba, seekor anak kucing putih kecil muncul di pintu kedai. Dia menggigil dan kesakitan. Kami membawanya terus ke dalam kedai. Kami membawanya berhampiran pemanas, sambil membalutnya dengan tuala kering. Kami memberinya minum susu suam. Apabila anak kucing itu memanaskan badannya, ia menjadi comel dan mula membuat pergerakan yang mencerikan kami.”

“Apabila dia kenyang, dia mula bermain dengan gembiranya. Kami yang menyaksikan peristiwa ini sangat menyukai anak kucing ini. Semasa bercakap tentang namanya, ada di antara kami yang berkata namanya mestilah manik, ada di antara kami cadangkan namanya kapas.”


Cikgu Yusuf memberikan cadangan, “Bagaimana kalau kita beri nama Snowflake kepada tetamu kecil ini yang datang ketika salji turun seperti kepingan-kepingan?” Apabila cikgu berkata begitu, kami semua langsung bersetuju dengan nama ini. Selepas itu, kami selalu memanggilnya *Snowflake*. Saya rasa dia juga suka nama itu.”

Pada masa itu, Snowflake melompat ke pangkuan Tok Osman. Semua orang di situ terkejut dan tertawa. Sambil minum teh, Fatimah pula bersuara,

“Boleh saya tanya soalan juga, cikgu?”

“Sudah tentu Fatimah!”

“Cikgu, kerana setiap kepingan salji berbeza, ia membuktikan keesaan Allah. Selain daripada kepingan salji itu, apakah makhluk lain yang kita boleh memberi contoh daripadanya bahawa Allah itu satu?”



“Soalan yang baik,” kata Cikgu Yusuf lalu beliau meminta semua orang di sana untuk melihat muka satu sama lain. Gadis-gadis di meja itu langsung memandangi wajah masing-masing tanpa memahami apa yang sedang berlaku. Sementara itu, *Snowflake* juga memandangi mereka dengan pelik.

“Adakah sesiapa di antara kamu mempunyai wajah yang sama?” Cikgu Yusuf memulakan penjelasannya.

“Tidak!” kata mereka.

“Adakah sesiapa di sekolah kita yang berwajah sama?”

Sekali lagi, pelajar berkata, “Tiada!”

“Walaupun di Üsküdar?”

“Tiada!”

“Sama ada di Istanbul atau di Bursa?”

“Tiada!”

Cikgu Yusuf mengembangkan soalan yang sama dan bertanya sama ada dia wujud di Asia, Eropah atau bahkan seluruh dunia..

“Tidak ada!” kata pelajar-pelajar itu lagi.


“Justeru kawan-kawan, kita dapat memahami bahawa Allah adalah tunggal, kerana wajah semua orang berbeza antara satu sama lain. Terdapat berbilion orang dan tidak ada dua wajah yang sama. Satu wajah diberikan kepada seorang sahaja. Baik orang-orang sebelumnya mahupun orang-orang yang akan datang setelahnya, dia tidak akan diberikan wajah yang sama.”

“Hal ini disebabkan DNA setiap orang berbeza, ia telah dicipta khas untuknya. Ini menunjukkan keesaan Allah yang mengetahui semua ciri semasa menciptakan semua manusia, dan yang telah memilih dan mencipta wajah itu daripada kemungkinan yang tidak berkesudahan. Allah mengetahui wajah semua manusia yang telah diciptakan dan akan diciptakan, dan Dia menganugerahkan wajah yang istimewa khusus kepada setiap mereka.”

“Jika semua wajah tidak datang daripada pengetahuan yang tidak terbatas daripada Allah Yang Maha Esa, maka semua akan bercampur. Jadi, Allah-lah yang telah menciptakan kesemua manusia yang berbeza antara satu sama lain sejak manusia pertama Nabi Adam a.s. Tuhan kita mahu menunjukkan pengetahuan-Nya yang tidak berkesudahan dan kuasa yang tidak terhad dengan mencipta setiap orang secara berbeza.”

“Cikgu, bolehkah cap jari menjadi contoh apa yang cikgu huraikan tadi?” tanya Fatimah.

“Sudah tentu, Fatimah, kita boleh perbanyakkan lagi contohnya. Oleh sebab pengetahuan Tuhan kita tidak terhingga, Dia tidak memberikan cap jari yang Dia berikan kepada seseorang kepada orang lain. Setiap manusia yang dilahirkan, tercipta dengan kesempurnaan yang unik. Cap jari yang diberikan kepada bayi tidak pernah diberikan kepada orang lain, dan tidak akan diberikan kepada orang lain. Tambahan pula, tidak ada bayi yang lapisan iris dalam matanya sama sebiji dengan yang lain. Khajidah pun mengambil peluang berkata,



“Cikgu, saya pernah membaca bahawa beberapa sistem kod keselamatan bank berfungsi dengan mengimbas lapisan iris di mata kita.”

“Betul, kata laluan pada banyak tempat dibuat dengan mengimbas pada lapisan iris. Sebagai contoh, ia digunakan untuk keselamatan dalam telefon bimbit, sistem perbankan, pintu masuk peribadi.”

“Sekarang kawan-kawan! Bagaimana mungkin adanya pencipta atau pakar jurutera yang membuat telefon, kamera, pintu masuk khas yang menggunakan sistem pengecaman muka, sistem imbasan iris, namun manusia pula tidak mempunyai pemilik atau pencipta wajahnya yang sempurna dan mata yang indah! Adakah akal boleh menerima hal ini?”

“Hanya Tuhan yang Maha Berilmu sahaja yang mampu mencipta manusia yang tidak pernah datang ke bumi ini dengan wajah yang berbeza, kerana Dia mesti mengetahui wajah 8 billion manusia sebelumnya yang telah tercipta. Ini adalah bukti keesaan Allah, serta hakikat bahawa Allah sentiasa memerintah alam sebagai Pencipta.”

Melihat Alam Semesta Secara Menyeluruh

Nusaibah pula bertanya, “Cikgu, saya tertanya-tanya tentang kekuasaan Allah ke atas alam semesta pada setiap masa, bolehkah cikgu jelaskan sedikit?”

“Soalan yang diajukan Nusaibah itu sangat penting. Kita mempunyai Tuhan yang memerintah setiap bahagian alam semesta pada setiap saat. Apabila kita melihat alam semesta secara keseluruhannya, kita akan melihat hal ini;”

“Semua yang besar dan kecil di alam semesta bergerak ke arah tujuan yang sama. Mereka bekerja untuk memenuhi tujuan bersama. Kerja-kerja bermakna milik makhluk yang tidak berakal ini memberitahu bahawa makna juga mesti diambil-kira seiring material. Siapa yang mengumpulkan makhluk-makhluk ini di sekeliling tujuan dan membuat mereka melakukan tugas mereka?”


“Sebagai contoh, awan datang untuk membantu tumbuhan. Matahari datang untuk membantu semua makhluk hidup untuk jadi wasilah bagi kehidupan. Tumbuhan datang untuk membantu haiwan. Kita nampak semua ini. Tetapi ada sesuatu yang sangat menarik di sini. Semua yang kita kira tadi itu tidak pernah mengenali antara satu sama lain. Mereka tidak tahu.”

“Ini bermakna ada Tuhan yang mendengar semua makhluk pada setiap saat dan memenuhi keperluan mereka. Allah-lah yang menjadikan makhluk-makhluk ini melakukan tugas mereka dan bergegas membantu satu sama lain. Kita boleh juga dengar contoh daripada Tok Osman dalam hal ini.”

Tok Osman membelai *Snowflake* di belakang,

“Bagus sekali penjelasan cikgu. Izinkan saya berkongsi dengan kamu satu contoh yang sangat menakjubkan saya. Oksigen ialah bahan yang paling kita perlukan untuk hidupan, bukan?”

“Tanpa oksigen, kita tidak boleh bernafas dan jika kita tidak bernafas, kita akan mati,” jawab Nusaibah sambil angkat tangan.



Tok Osman berkata, “Kita dapati oksigen sejak kita dilahirkan tanpa perlu mencarinya, bukan?”

Pelajar pun berkata, “Betul, Tok Osman!”


“Anak muda yang dikasihi, bukan sahaja kita manusia, tetapi semua makhluk hidup.”

Sementara itu, *Snowflake* mengeong seolah berkata, “Saya di sini juga, jangan lupakan saya!” kucing itu mengeong manja.

Tok Osman sambil tersenyum,

“Sebagai contoh, seperti *Snowflake*, semua kucing memerlukan oksigen sebaik sahaja mereka dilahirkan. Mungkinkah secara kebetulan oksigen ini disedutkan ke hidung kita dengan banyak dan percuma, tanpa perlu mencari? Cuba kalian beritahu atuk.”

“Kemudian satu lagi perkara penting ialah seperti yang dikatakan saintis, 78% daripada udara yang kita hirup di atmosfera adalah nitrogen dan 21% adalah oksigen. Nisbah ini sangat penting untuk kesinambungan hidup kita. Jika kita menghirup udara yang diperbuat sepenuhnya daripada oksigen, ini akan menyebabkan kematian secara beransur-ansur. Kerana oksigen tulen akan merosakkan sel kita. Tidak akan ada kehidupan di bumi.”



“Sekarang, anak pelajar yang dikasihi, bolehkah makhluk yang tidak bernyawa, tiada kesedaran, tidak mengenali manusia membuat gas atmosfera, yang sangat bermanfaat untuk kehidupan, dan menetapkan kadar kuantitinya? Kewujudan oksigen adalah lebih penting daripada penemuan manusia tentang roda dan alat pemotong.”

“Ya di sini saya menarik perhatian kamu semua! Siapakah yang menjadikan pokok dan terutamanya alga di laut dan lautan untuk menghasilkan oksigen yang paling kita perlukan untuk kelangsungan hidup kita? Di sebalik alam material ini wujud Tuhan kita, yang mengasihi manusia, menunjukkan belas kasihan kepada mereka, dan memenuhi keperluan manusia pada setiap masa. Seheinggakan Tuhan kita menjadikan alga di lautan agar menghasilkan kira-kira 70-80% oksigen yang digunakan di dunia. Selebihnya dihasilkan oleh tumbuhan. Oleh itu, alga ini sangat diperlukan untuk kehidupan di bumi.”

“Jika kita melihat alam semesta secara keseluruhannya, kita boleh melihat bahawa semua makhluk digerakkan untuk tujuan yang sama. Dengan cara ini, kita mula mengenali Tuhan kita yang satu, yang mengumpulkan semua makhluk di sekeliling tujuan yang satu pada setiap saat.”

Rayyan bertanya dengan rasa ingin tahu, “Tok Osman, bagaimanakah Tuhan melakukan semua ini tanpa ada penolong-Nya?”

Jawab Tok Osman, “Anakku Rayyan, soalan yang sangat bagus. Wahai anak-anak muda sekalian! Kita sebagai manusia memerlukan bantuan dan sokongan orang lain kerana kelemahan, kejahilan dan keterbatasan kita. Namun Allah iaitu Pemilik kuasa dan ilmu yang tidak terhingga, tidaklah sedemikian. Allah s.w.t tidak seperti makhluk yang Dia ciptakan, Dia tidak seperti mereka. Ia tidak memerlukan apa-apa.”

“Kerana Dia menciptakan segala yang bernyawa dan yang tidak bernyawa. Semuanya wujud kerana Dia yang menciptakannya. Semua makhluk meneruskan kewujudannya kerana wujudnya Dia. Adakah Allah, Pencipta segala-galanya, memerlukan apa yang Dia ciptakan? Sudah tentu tidak. Kerana kuasa Tuhan kita tidak terhingga, Dia tidak memerlukan pertolongan orang lain. Oleh kerana kekayaannya tidak terhad, tidak boleh dikatakan Dia memerlukan orang lain.”

“Anak muda yang dikasihi! Saya ingin menjelaskan isu ini melalui satu contoh. Sebagai contoh, matahari kita di langit adalah satu. Tetapi dengan ciri pantulannya, matahari dipantulkan dalam semua cermin terang, titisan air dan permukaan laut di bumi. Matahari menembusi semua jenis benda terang seperti ini dan memanaskan serta meneranginya.”

“Memasuki ke dalam satu perkara tidak menghalangnya daripada memasuki tempat yang lain. Matahari ditemui dalam segala yang dimasukinya, dengan imej, haba dan cahayanya. Ia melakukan kerja ini dengan mudah di banyak tempat pada masa yang sama. Lebih-lebih lagi, Dia tidak memerlukan matahari lain semasa melakukan kerja-kerja ini. Seperti yang

kamu lihat, matahari yang merupakan makhluk yang dicipta oleh Tuhan kita, boleh melakukan kerja di banyak tempat pada masa yang sama.”

“Maka seperti ini juga, ketika Allah melakukan satu pekerjaan, hal itu tidak menghalangnya melakukan pekerjaan lain di tempat lain pada masa yang sama. Tuhan kita yang Esa ini boleh melakukan semua kerja di mana-mana dengan kemudahan yang sama, tanpa memerlukan apa-apa. Dalam masa yang sama, Dia memberi makan ikan di dalam laut sambil memberi makan pokok di satu tempat di hujung bumi.”

Rayyan menunjukkan rasa penghargaannya berkata, “Terima kasih banyak-banyak, Tok Osman. Terima kasih, saya telah selesaikan satu masalah yang berada di fikiran saya.”


Pada waktu pagi, sebelum pelajaran pertama bermula, Cikgu Yusuf datang ke kelas. Pelajar semua tidak sabar.

Fateh yang berada di kedudukan hadapan berkata, “Cikgu, lama dah saya tunggu. Tolonglah cikgu, apakah beritanya yang cikgu nak beritahu hanya kepada kelas kami ini?”

Rayyan pun menyokong, “Tolonglah cikgu, apakah beritanya yang cikgu nak beritahu hanya kepada kelas kami ini?”

Mustafa mencelah, “Cikgu, orang di rumah kami juga ingin tahu. Saya beritahu nenek tua saya dan dia juga teringin nak tahu.”

Cikgu Yusuf menunggu kelas senyap, “Saya mengucapkan terima kasih kepada kamu semua, kawan-kawan! Hujung minggu ini, akan diadakan satu persidangan untuk pelajar



sekolah menengah di Universiti Islam dan Sains Istanbul. Sebagai guru kelas kamu, saya ingin kamu semua menghadiri acara ini, adakah kamu semua ingin datang?"

Kelas tiba-tiba jadi ceria bergembira. Murid-murid menjadi sangat teruja. Kata Said si ketua kelas, "Baiklah, Cikgu, kami mahu datang dengan senang hatinya, kan, kawan-kawan?" Lalu seluruh kelas berkata, "Sudah tentu kami akan gembira untuk datang," jerit mereka semua.

Cikgu Yusuf pun bersuara, "Bertenang kawan-kawan, jangan kita kacau kelas lain!"

Salim pula berkata, "Apakah tajuk persidangan itu, Cikgu?"

Cikgu Yusuf membalas dengan senyuman, "Ya, soalan yang bagus dan berkaitan. Dengarnya tajuk persidangan itu dinamakan sebagai 'Ilmu-ilmu Sains Bercerita Tentang Allah.' Saya mengesyorkan persidangan ini kepada kamu semua."

"Maka wahai anak muda, ini adalah peluang yang baik untuk menguatkan iman kita. Peluang persidangan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran kita tentang iman. Dalam persidangan ini, ahli akademik daripada pelbagai disiplin akan membuat pembentangan ringkas kepada pelajar sekolah menengah. Mereka akan memperkenalkan Tuhan kita dengan contoh-contoh daripada kehidupan."

Murid-murid jadi sangat gembira. Mana mungkin mereka tidak gembira. Betapa seronoknya menghabiskan hujung minggu bersama guru kesayangan mereka. Lagipun bilangan mereka yang tidak pernah memasuki kampus universiti dalam kelas itu tidaklah sedikit.

"Baik!" sahut mereka bersama-sama tanda mereka menerima tawaran Cikgu Yusuf.

Mereka akan bertemu di Pelabuhan Feri Üsküdar pada hari Sabtu untuk menyeberangi selat melalui feri. Kemudian mereka akan bertolak dengan menyewa bas mini untuk pergi ke universiti.

Perjalanan ke Universiti

Hari persidangan telah tiba. Cuaca sangat bagus. Para ibu bapa membawa anak-anak mereka ke tempat pertemuan dan mengamanahkan mereka terutamanya kepada Allah dan kemudian kepada Cikgu Yusuf. Para pelajar memakai pakaian yang mereka mahu dan bukan pakaian sekolah mereka. Cikgu Yusuf pula memakai sut di atas kemeja putih.

Ketua kelas si Said sudah menyemak senarai itu untuk kali terakhir dan berkata, “Senarai pelajar sudah lengkap, Cikgu! 17 orang daripada kami telah siap berkumpul dengan sempurna, kami sudah bersedia!” katanya.

Mereka menuju ke pondok tol untuk menaiki feri. Ya, mereka berada di atas feri sekarang. Mereka pergi ke tingkat atas feri. Mereka mula menikmati pemandangan laut, selat dan langit. Laut sangat tenang. Sinaran matahari menerpa permukaan laut, dan sinaran yang dipantulkan membentuk pemandangan yang indah. Pada masa yang sama angin sepoi-sepoi bertiupan, membuatkan rambut mereka beralun-alun. Burung-burung camar terbang melayang-layang berhampiran mereka seolah-olah menyapa mereka.

Sebuah kedai simit di sana berkata, “Simiiiiit, simiit!” jurujual menjerit. Mereka pun mula membeli roti simit dari kedai itu dan melemparkannya kepada burung camar itu. Burung camar itu pun menangkap kepingan roti simit di udara dengan kemahiran yang luar biasa, kemudian mereka dengan cepat meninggalkan feri untuk memakan roti itu. Para pelajar dan beberapa penumpang mengagumi penerbangan dan peluncuran burung-burung itu yang kemas.

Cikgu Yusuf lalu berkata kepada pelajarnya yang tidak lagi mempunyai simit untuk dibuang, “Kawan-kawan, pernahkah kamu terfikir bagaimana burung camar boleh terbang di udara?”

“Saya tidak pernah memikirkannya tetapi saya teruja juga ingin tahu,” sahut Fateh.

Cikgu Yusuf memuji, “Bagus! Ada baiknya kamu tertanyanya, Fateh. Hal ini kerana rasa ingin tahu adalah guru segala ilmu. Anak-anak murid, rasa ingin tahu menyebabkan orang ramai bertanya dan membuat kajian. Apabila kita berfikir dan mengkaji, bertambahlah kekaguman kita terhadap makhluk dan Pencipta kita iaitu Tuhan kita!”

“Kita bertanya soalan untuk mengenali seseorang yang kita tidak kenali, bukan? Semakin kita mengenali orang itu, semakin kita menyukainya. Begitu juga, untuk mengenali Tuhan kita, kita mesti bertanya beberapa soalan. Kita mesti fikir tentang makhluk yang Allah cipta. Kita kena mengkaji mereka.”


“Sebagai contoh, mari kita lihat, ini satu soalan kepada kamu semua. Bilakah orang membina dan menerbangkan kapal terbang bersayap pertama?”

Nusaibah yang berminat dalam kapal terbang dan penerbangan mula bercakap,

“Cikgu, kalau tak silap saya, adik-beradik Wright berjaya terbang dengan pesawat berkipas yang mereka buat pada awal 1900-an.”

Cikgu Yusuf berkata,

“Tahniah, Nusaibah! Kita sebagai manusia berjaya terbang dengan kapal terbang pada tahun 1903. Maksudnya baru sahaja seratus tahun yang lalu. Namun, penerbangan pertama Wright bersaudara hanya bertahan selama 12 saat. Tetapi burung, lalat dan lebah telah terbang selama berabad-abad. Saya tertanya tanya. Bagaimanakah burung terbang? Siapa yang menahan mereka di udara? Bagaimanakah burung mengetahui undang-undang penerbangan yang ditemui manusia hanya beberapa abad yang lalu? Bagaimana mereka boleh terbang tanpa



jatuh atau terhempas? Bagaimanakah mereka memperoleh kemahiran ini tanpa sebarang latihan?”

Fateh bergurau sedikit, “Maafkan saya, cikgu, tetapi sesetengah orang memanggil burung dengan gelaran ‘otak burung⁴’.”

Cikgu Yusuf membalas, “Ya, ada yang berkata begitu. Tetapi bagaimana haiwan-haiwan ini, yang sesetengah orang menganggapnya sebagai ‘berotak burung’, berjaya terbang beribu-ribu tahun sebelum manusia, yang merupakan makhluk paling bijak di bumi? Bukankah kita yang bergelar ada ‘otak manusia’ patut mempersoalkan keadaan ini?”

“Contohnya, burung berhijrah datang ke negara kita setiap tahun. Bahkan kamu pun tahu burung bangau yang sudah lama berada di atas bumbung sekolah kita. Bagaimanakah burung-burung ini keluar dari tengah-tengah Afrika beribu-ribu kilometer setiap tahun? Bagaimanakah mereka mencari destinasi mereka tanpa tersesat, tanpa kompas atau navigasi? Adakah manusia atau burung yang mula-mula mencipta kompas dan alat navigasi?”

Cikgu Yusuf menyambung kata-katanya seperti berikut, “Rakan-rakan yang dikasihi! Tuhan kita telah mencipta burung-burung itu layak untuk terbang; Dia juga mencipta ikan dengan peralatan yang sesuai untuk berenang. Dia pun menciptakan kita manusia dengan peralatan untuk merenung berfikir tentang alam semesta dan makhluk-makhluk yang menjadi keajaiban penciptaan di alam ini. Atas sebab ini, Dia memberi kita semua kebijaksanaan yang tinggi dan emosi tahap tinggi yang tidak dia berikan kepada haiwan.”

Feri kini menghampiri jeti dengan perlahan. Semua penumpang mula berjalan menuju ke tangga pendaratan. Sementara itu, burung-burung camar yang mengekori feri itu terbang riang dengan membuka dan menutup sayapnya seolah-olah ingin memberitahu sesuatu.

4. Simpulan bahasa Turki yang bermaksud mempersendakan seseorang dengan menganggapnya bodoh.

Peraturan adalah Bukti kepada Adanya Pengatur

Apabila mereka turun dari feri, mereka berkumpul semula dalam kumpulan. Masing-masing melihat rakan di sebelahnya tadi. Semua pelajar cukup di situ. Tidak jauh dari jeti itu, kelihatan sebuah bas mini berwarna putih.

Cikgu Yusuf berkata, “Adakah kamu mahu berlari dan berlumba ke bas mini putih itu?”

Orang muda yang bertenaga serentak berteriak, “Boleh! Cikgu!”

“Jom, sesiapa yang pertama kali menyentuh bas mini, saya akan memberikan coklat kepadanya,” kata Cikgu Yusuf. Perlumbaan pun bermula. Mereka berlari sejauh kira-kira 250 meter.

Terdapat satu hal yang menarik. Anehnya, Fateh yang sentiasa mengemari perlumbaan seperti itu tidak berlari, dia mengeluarkan sesuatu daripada beg galasnya. Apakah itu? Ya Tuhan, Fateh membawa kasut roda! Dia segera memakai kasut rodanya dan memasuki perlumbaan.

Para pelajar kehabisan nafas. Perlumbaan itu sengit. Said mendahului bagi lelaki dan Khadijah mendahului bagi perempuan. Fateh mendekati mereka dengan kasut rodanya. Walau bagaimanapun, dalam 50 meter terakhir, Ibrahim dan Rayyan adalah orang pertama yang menyerang dan menyentuh bas mini itu.

Fateh menyentuh bas mini serentak dengan Said. Said sangat terkejut dengan keadaan ini. Cikgu Yusuf datang sedikit ke belakang dan berkata, “Kamu bagaikan angin, *Masya-Allah!* Tetapi Fateh, saya tidak mengira kamu menyentuh bas mini kerana kamu tidak mengikut peraturan,” kata gurunya itu.

Mereka yang lain pun berkata, “Betul tu cikgu, kita semua ada peraturan, jadi harus ikut peraturan tersebut. Cikgu Yusuf mengeluarkan 2 bungkus coklat bar yang telah dibeli kelmarin daripada poket jaketnya. Beliau memberikannya kepada

Rayyan dan Ibrahim yang telah memenangi perlumbaan tersebut.

Anak-anak muda tersebut sedang keletihan, namun mereka telah melakukan perlumbaan itu dengan baik sekali. Ibrahim yang berjaya mendapatkan hadiah itu dengan gembiranya berkata sambil sedikit tercungap,

“Cikgu, coklat ini memang sedap, namun ia jadi lebih sedap apabila menerimanya sebagai hadiah daripada cikgu.”


Hasan mencelah dengan kata-katanya,

“Cikgu, sahabat kita Ibrahim telah mempelajari pembelajaran tempoh hari dengan baik. ‘Jangan melihat pada hadiahnya, namun disebalik hadiahnya.’”

Cikgu Yusuf membalas, “Kamu berdua betul. Sangat bagus jika dapat mempraktikkan apa yang telah kamu semua pelajari dalam kehidupan seharian. Nanti, kita akan bercakap mengenainya di dalam bas sepanjang perjalanan kita nanti.”

Setelah mengira peserta yang terakhir, pintu bas mini tersebut ditutup dan mereka pun bertolak ke universiti. Cikgu Yusuf meminta izin pemandu bas mini untuk menggunakan mikrofon tanpa wayar di dalam perjalanan tersebut,

“Sahabat sekalian, selamat memulakan perjalanan. Kita akan menempuh perjalanan kira-kira 40 minit. Sekiranya keadaan trafik baik seperti ini, cikgu harap kita akan sampai ke destinasi program tepat pada masanya. Sama-samalah kita berdoa! Kalian juga maklum dengan keadaan trafik di Istanbul yang penuh dengan kejutan.”



Fateh antara pelajar yang duduk di kerusi paling belakang bersuara, “Cikgu!, cikgu cakap kita akan bercerita tentang hadiah coklat.”

Cikgu Yusuf menjawab, “Baiklah, mari kita bercerita tentang hal itu murid sekalian. Bayangkan kita semua sedang melalui terowong masa dan kita sedang menziarahi kawasan istana Sultan Abdul Hamid, insan yang membina sekolah kita. Adakah kalian akan gembira jika Sultan memberikan sebatang pen cantik sebagai hadiah kepada setiap kalian yang ditulis nama kalian di atasnya?”

Fateh berseloroh, “Siapa yang tidak gembira cikgu? Sudah tentu, kita semua akan sangat gembira.”

Cikgu Yusuf berkata dengan tersenyum, “Adakah kamu lebih gembira menerima sebatang pen atau kamu telah menerima hadiah tersebut daripada tangan sultan?”

Rayyan membalas, “Daripada tangan sultan, cikgu!”

Cikgu Yusuf, “Betul tu, jika menerima pen itu adalah satu kegembiraan, menerima satu batang pen daripada sultan 100 kali ganda lebih bahagia. Pemberian sultan kepada kalian menunjukkan bahawa baginda mencintai dan menghargai kalian.”

“Demikianlah juga nikmat daripada Tuhan kita, wahai anak-anak sekalian. Sebagai contoh, jika kita memakan buah oren, ia mempunyai rasa secara luarannya iaitu rasa sedap. Namun, apabila kita berfikir bahawa buah oren tersebut dihadiahkan Allah kepada kita dan dapat mengingati Tuhan kita, rasa buah oren itu bertambah 100 kali lebih sedap. Kita dapat berfikir bahawa Tuhan kita yang menghargai dan memberi belas kasih-Nya kepada kita, memenuhi segala keperluan kita membawa kita lebih dekat kepada Tuhan kita.”

Perjalanan diteruskan dengan cerita-cerita yang sangat menarik. Di pertengahan jalan, mereka berhenti untuk mengisi minyak. Keadaan trafik pula kadangkala sesak dan kadangkala lancar. Di hadapan mereka, terdapat sebuah van penumpang

sedang melintas laju, dan van tersebut dipandu dengan tidak mengikuti peraturan lalu lintas lalu membahayakan kenderaan-kenderaan lain.

Malangnya, van penumpang tersebut menyebabkan kemalangan di kawasan tersebut. Trafik menjadi sesak dan tidak bergerak. Para pemandu turun daripada kenderaan mereka dan mula bertengkar. Suasana tersebut menjadi agak tegang dengan pertengkaran.

Cikgu Yusuf dan pemandu bas mini tersebut turun dan cuba untuk menenangkan suasana. Cikgu Yusuf meminta seluruh pemandu yang berada di situ agar berhenti bertengkar dan meletakkan papan tanda kecemasan di jalan tersebut dan menghubungi polis trafik. Papan tanda kecemasan itu penting kerana boleh jadi sekiranya kenderaan lain yang datang boleh melanggar dengan kenderaan-kenderaan tersebut.

Para pemandu tersebut agak tenang sedikit setelah ditenangkan Cikgu Yusuf dan mengikuti apa yang disuruh Cikgu Yusuf. Antara kenderaan yang melanggar itu, terdapat seorang anak kecil. Dia menangis ketakutan. Cikgu Yusuf dan pemandu bas mini melihat keadaan mereka dan mendoakan agar dipermudahkan urusan mereka. Para remaja yang sedang berada di dalam bas mini hanya memerhatikan apa yang berlaku dalam bas mini tersebut.

Rayyan membuka tingkap bas mini itu, “Cikgu, coklat yang saya menang dalam perlumbaan tadi belum saya makan. Bolehkah saya memberikannya sebagai hadiah kepada anak kecil itu?”

Cikgu Yusuf, “Ya, boleh Rayyan!, bagus apa yang kamu fikirkan itu. Cikgu akan tawarkan kepadanya, kita lihat.”

Anak kecil itu menerima hadiah tersebut. Ibunya membuka coklat tersebut lalu memberikan kepada anak kecil itu. Anak kecil itu sangat senang hati dan wajahnya mula tersenyum.

Pemandu van penumpang tadi sememangnya salah dan dia juga benar-benar mengakui kesalahannya.

Kemudian, bas mini itu pun bergerak semula dan mula meneruskan perjalanan. Walaupun trafik semakin sesak dari semasa ke semasa, syukurnya mereka dapat bergerak dengan selamat.

Lantaran kemalangan ini, Cikgu Yusuf mengingatkan, “Sahabat-sahabat lihat, betapa bahayanya tergesa-gesa dan tidak bertanggungjawab. *Nauzubillah*, sama ada kemalangan kecil atau besar boleh berlaku.”

Pemandu bas mini mencelah, “Cikgu, nasib baik kita turun dan membantu mereka tadi. Jika tidak, perbalahan itu boleh menjadi lebih parah.”

“Pak cik, kita ini orang Islam. Ini sudah menjadi tanggungjawab kita. Kita tidak boleh bersikap acuh tidak acuh terhadap masalah dan kesulitan masyarakat. Apabila kita melihat ada masalah, kita cuba membantu dengan kemampuan kudrat kita. Jika kita tidak mampu untuk berbuat apa-apa, kita berdoa untuk mereka. Kadangkala ada satu kebakaran, dapat dipadamkan dengan segelas air. Tetapi jika semua orang mengatakan bahawa mereka perlu menjaga diri daripada dehidrasi dan tidak menjaga api itu, maka ia akan membesar dan akan marak sehingga merangkumi semua orang.”

Keadaan lalu lintas kelihatan surut dan ia menjadi lebih tenang sekarang.

Ain senyap-senyap menuju kepada cikgunya dan berkata, “Cikgu, saya tidak sempat untuk mengatakannya sebelum ini kerana kekecohan sebentar tadi. Ibu saya ada membawakan hidangan Turki sebagai pencuci mulut dalam perjalanan kita ini. Bolehkah saya mengedarkan pencuci mulut kepada rakan-rakan?”

“Sudah tentu Ain, kenapa tidak? Seperti nenek moyang kita sebut, mari kita makan manisan, kita bercakap perkara-perkara manis. Kalau pada waktu tadi juga tiada masalah sebenarnya.”

Ain mengeluarkan dua bekas besar makanan Turki daripada begnya. Dia menghulurkan satu bekas ke arah pelajar lelaki di belakang. Satu bekas lagi kepada pelajar perempuan yang

duduk di hadapan dan di kawasan tempat pemandu. Fateh mula membuka bekas yang dihulurkan ke belakang itu,

“Allahhh, cikgu, ada harta di sini!” katanya dengan nada yang gembira. Dalam bekas lokum yang besar itu, terdapat lokum dengan inti krim, ros, walnut, pistachio dan dibalut dengan pelbagai warna seperti bayangan harta karun.

Semua pelajar mula menikmati hidangan lokum di dalam bekas itu dan mengucapkan terima kasih kepada Ain dan ibunya. Cikgu Yusuf juga mengucapkan terima kasih kepada Ain dan keluarganya. Beliau mengambil mikrofon sekali lagi, dan membuka pintu *tafakkur* baharu.

“Anak-anak sekalian, kalian lihat sebentar tadi, kita baru sahaja mengalami kemalangan. Sedangkan, setiap pemanduan di jalan raya memerlukan pemandu yang sudah dewasa. Mereka boleh menggunakan kenderaan selepas melalui kursus mengambil lesen memandu. Lesen tidak diberikan kepada mereka yang berumur di bawah 18 tahun dan yang tidak berjaya lulus peperiksaan lesen memandu.”

“Peraturan jalan raya jelas, isyarat lalu lintas dan lampu diletakkan di merata tempat. Polis kita sentiasa berusaha untuk melakukan kawalan dan pengawasan lalu lintas. Sekiranya tiada polis, ada sistem kamera pengesan kelajuan. Walaupun ada langkah berjaga-jaga sedemikian, kemalangan masih berlaku. Dan secara langsungnya, kita juga menyaksikan kemalangan.”

Ahmad pun berkata, “Cikgu, adakah peraturan lalu lintas di negara kita pada semua tempat sama?”

“Ya betul Ahmad, peraturan lalu lintas semua tempat sama di negara kita. Seperti mana peraturan lalu lintas yang diterapkan di seluruh tempat di negara kita menunjukkan kewujudan pemerintahan negara ini, ia juga menunjukkan bahawa negara ini memiliki satu sahaja pemerintahan. Kerana jika ada pengurusan peraturan di suatu tempat itu, maka peraturan itu menjadi dalil bahawa adanya pengatur. Tiada peraturan atau undang-undang dicipta dengan sendirinya.

Jika peraturan tersebut berfungsi dengan susunan yang sama di mana-mana, ia menunjukkan bahawa peraturan itu berasal daripada sumber yang sama.”

“Sekarang mari kita fikirkan bintang, planet-planet, bulan yang beredar di angkasa, bertindak mengikut peraturan dan undang-undang. Siapakah yang menetapkan peraturan serta undang-undang yang dapat dipatuhi oleh kehidupan-kehidupan di angkasa ini?”

“Walaupun penghargaan sains diberikan kepada saintis yang menemui undang-undang ini, bukankah kita perlu memikirkan siapa yang meletakkan undang-undang tersebut dan menerapkannya di semua tempat dengan teratur?”

“Bagaimana benda-benda angkasa bergerak dengan teratur tanpa berlanggar antara satu sama lain? Siapa yang menetapkan laluan mereka? Atau adakah mereka mempunyai pemandu?”

Hasan yang dengar sahaja dari tadi menjawab, “Cikgu, planet tidak boleh menjadi pemandu kepada bintang!”

“Sangat tepat apa yang kamu katakan Hasan! Siapakah memiliki kuasa dan pengetahuan benda-benda di angkasa bergerak dengan teratur? Walaupun benda angkasa ini memiliki kelajuan yang berbeza, kebesaran yang berbeza, orbit dan arah putaran mereka berbeza, bagaimana jisim besar yang bukan kehidupan bernyawa, tidak berakal dan tiada pemandu ini tidak berlanggar antara satu dengan yang lain? Bukankah ini satu keadaan yang menakjubkan?”

“Cikgu, ada juga kenderaan tanpa pemandu, kenderaan udara tanpa juruterbangnya, bahkan keretapi juga,” balas Said.

“Betul kata kamu Said, satu pendekatan yang bagus! Adakah terdapat pakar yang merancang peralatan kenderaan tanpa pemandu yang terurus ini?”

“Tidak boleh ke Cikgu?”

“Adakah terdapat jurutera perisian yang menulis beratus ribu barisan kod?”

“Ada!” balas Said dengan semangat.

“Adakah terdapat jururtera pengurusan yang menguruskan kenderaan tersebut mengikut huraian kerja mereka?”

“Itu juga ada! Cikgu.”

“Sahabat yang cikgu hormati sekalian, teknologi di peringkat tinggi ini hanya tersedia di lapan atau sepuluh negeri di dunia. Dalam erti kata lain, ia adalah teknologi yang baru ditemui oleh manusia. Namun, planet yang tidak bernyawa di angkasa? Walaupun mereka bukan pakar atau jurutera dalam perniagaan ini, mereka berjaya dalam kerja perbuatan ini. Walaupun mereka tidak memiliki akal fikiran, tetapi mereka seolah-olah bergerak dengan penuh kesedaran.”

Hal ini menyebabkan Mustafa yang minat mengenai sains dan angkasa berkata,

“Ya cikgu, kita mesti mengkaji dan menyelidik planet-planet di angkasa. Bolehkah saya berkongsi dengan kalian semua tentang sesuatu perkara yang menyebabkan saya berfikir tentangnya?”

“Baik, marilah ambil mikrofon dan bercakaplah dengan menggunakannya supaya semua orang dapat mendengar kamu dengan lebih jelas,” kata Cikgu Yusuf sambil menyerahkan mikrofon tanpa wayar itu.

“Cikgu, kita baru sahaja membeli minyak untuk kenderaan ini. Kita akan menggunakan bahan api ini untuk tempoh masa tertentu. Ketika sudah habis, pemandu akan berhenti di satu tempat dan mengisi semula tangki kenderaan ini. Ada dua perkara yang menarik perhatian saya. Pertama, bagaimanakah badan planet yang cikgu sebutkan tadi bergerak tanpa kehabisan bahan api? Kedua, bagaimana objek ini bergerak di laluan mereka sendiri tanpa membahayakan satu sama lain? Mustahil untuk tidak berasa hairan.”


Cikgu Yusuf membenarkan perkongsian Mustafa ini dengan menganggukkan kepalanya.

Universiti Islam dan Sains Istanbul

Mereka akhirnya sampai di universiti. Mereka melalui sebuah pintu gerbang yang indah untuk memasuki ke dalam kampus. Selepas mereka memasuki kawasan universiti, mereka mula memerhatikan persekitaran dengan lebih teliti.

Terdapat bangunan-bangunan yang sangat besar di dalam kampus tersebut. Bangunan berkaca yang besar, kawasan hijau yang luas dan lapang, jalan-jalan yang lebar ke fakulti-fakulti berbeza terutamanya melihat abang dan kakak di universiti menunjukkan tempat ini tidak kelihatan seperti sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

Mereka mengikuti arah papan tanda menuju terus ke dewan persidangan. Bilik persidangan iaitu sebuah auditorium terletak bersebelahan dengan perpustakaan. Khadijah yang merupakan salah seorang pelajar yang kuat membaca di dalam kelasnya sangat kagum dengan perpustakaan tersebut. Ia mempunyai sistem yang strukturnya boleh dikenali serta-merta. Terdapat banyak tingkap, dua tingkat dan sangat luas. Ia juga mempunyai struktur seni bina yang mengagumkan dan membuatkan ketakjuban ketika melihat di dalamnya.



Namun, tiba-tiba Khadijah memandang ke pintu masuk perpustakaan tersebut dengan hairan dan terperasan sesuatu. Di pintu masuk perpustakaan tersebut, terdapat satu perkongsian daripada perintah pertama daripada kitab suci kita: “ Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan!”⁵ Khadijah bertanya kepada Cikgu Yusuf,

“Cikgu, bolehkah saya bertanya soalan?”

Cikgu Yusuf dengan nada yang penuh kasih, “Sudah tentu kamu boleh bertanya!”

“Saya tertanya-tanya, bagaimana kita boleh memahami ayat yang tertulis di pintu masuk perpustakaan ini, cikgu?”

“Syabas atas perhatian kamu Khadijah. Cikgu berharap agar kita akan mendapat jawapan kepada persoalan ini. Namun, kita masih ada sedikit masa lagi untuk ke program. Mari kita menjawab persoalan ini selepas program.”

Program tersebut bermula pada jam 10.00 pagi. Auditorium mulai diisi oleh para peserta. Dewan itu sangat indah. Pencahayaan dan pengudaraannya sangat bagus. Podium dan pentas dapat dilihat daripada semua sudut tempat duduk dengan sangat selesa. Tiada yang menghalang pandangan sesiapa, para pelajar tersebut berkata sesama mereka, “Hebat!”, kata salah seorang daripada mereka, “Dewan yang hebat!” kata mereka dengan penuh kagum.

Fateh mula bertanya kepada cikgunya, “Cikgu, ini tempat apa? Seronok kami dapat datang ke sini!”

“Tunggu Fateh, program belum bermula lagi, kita akan bincangkan pendapat kamu semua selepas program nanti.”

Para pelajar dari sekolah rendah yang lain juga sedang memasuki dewan. Kelihatan Cikgu Yusuf berjabat tangan dan bersembang dengan beberapa pegawai di situ. Cikgu Yusuf dan para pelajarnya duduk di barisan kedua yang telah ditempatkan khas untuk mereka. Sebentar lagi program akan bermula. Mereka masih menunggu untuk persiapan bagi pemeriksaan sistem suara dan susunan ruangan dewan.

5. Surah al-'Alaq ayat 1

Kemudian, pengacara majlis pun muncul. Semua telah menantikannya dengan penuh keterujaan. Pengacara majlis tersebut memulakan ucapan aluan dengan basmallah dan menyatakan aturcara program. Program dimulakan dengan bacaan al-Quran. Qari yang membaca al-Quran tersebut ialah seorang hafiz muda yang telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan tilawah al-Quran. Beliau sedang membacakan ayat daripada surah al-Isra yang sesuai dengan maksud persidangan tersebut. Ayat yang dibacakan itu telah terjemahkan ke dalam bahasa Turki dan bahasa Inggeris melalui satu skrin yang besar di atas pentas.

Pada skrin tersebut dipaparkan terjemahan ayatnya; “Langit yang tujuh, bumi dan semua yang ada di dalamnya bertasbih kepada Allah. Dan tidak ada sesuatu pun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya, tetapi kamu tidak mengerti tasbih mereka.”⁶ Ayat ini menarik perhatian semua orang. Ayat tersebut menceritakan bahawa semua makhluk mengingati Tuhan dengan memuji dan bertasbih.



Integrasi Antara Islam Dan Sains

Selepas daripada acara tilawah al-Quran, lagu kebangsaan dinyanyikan dan berlangsung juga ucapan perasmian persidangan. Ucapan perasmian tersebut dilakukan oleh rektor

6. Surah al-Isra' ayat 44


universiti. Rektor menyampaikan ucapan alu-aluan kepada semua tetamu. Beliau memulakan ucapan beliau dengan berkata,

“Anak-anak pelajar yang dikasihi sekalian, zaman kanak-kanak saya berlalu di Çukurova. Bolehkah kalian beritahu saya, apakah tumbuhan yang paling banyak ditanam di Çukurova?” Dewan itu bergema serentak memberi jawapan kapas.

“Ya! Kalian benar, kapas dan biasanya kami di sana ialah keluarga pengusaha pembuatan kapas. Justeru, saya ingin mengajak kalian bersama-sama berfikir tentang tumbuhan kapas.”

“Semasa saya masih kecil, saya pernah berfikir bagaimana kapas putih yang lembut, halus menjadi bahan asas tekstil, keluar dari tanah yang hitam? Hal ini membuat saya penuh hairan. Saya tertanya-tanya apa yang ada di dalam tanah tersebut yang menyebabkan tanah itu bertukar menjadi kapas yang berwarna putih. Adakah terdapat kilang cat di dalam tanah itu? Selain itu, bagaimanakah gentian kapas tersebut, seperti dawai halus boleh keluar dari tanah yang keras dan kasar?”

“Kalian maklum bahawa bahan asas kain adalah daripada kapas. Namun, adakah sesiapa tahu, kapas yang keluar dari tanah itu diperbuat daripada bahan apa?, pakaian apa? Minyak masak juga antaranya diperbuat daripada biji kapas. Minyak kapas yang ibu kita gunakan di dapur. Di manakah tanah belajar membuat minyak biji kapas, yang sangat bermanfaat untuk kesihatan kita? Adakah bumi tahu apa itu kesihatan? Itulah yang saya sering fikirkan dahulu seperti tanah, air, udara dan matahari mesti bersatu membentuk kapas.”



“Semasa saya kecil, saya selalu berkata kepada diri sendiri, “Agaknya adakah mereka bergaul antara satu sama lain? Bagaimana mereka bersetuju mencapai matlamat bersama?” Kemudian saya akan berkata, “Tetapi mereka tidak mempunyai minda atau kesedaran supaya mereka boleh berbuat demikian. Mereka tidak dapat mengetahui keperluan manusia untuk memiliki baju kemeja cotton. Mereka tidak tahu kita perlukan minyak untuk menggoreng kerepek kentang.”

“Ya, anak-anak pelajar yang dikasihi sekalian! Semua keperluan manusia dihantar melalui suatu sumber dan tempat yang tidak terjangkau oleh manusia. Apabila kita memikirkannya, keperluan-keperluan ini boleh dipenuhi dengan dua cara. Sama ada kita akan mengatakan bahawa benda-benda yang tidak bernyawa seperti tanah, air, matahari dan udara mengenali kita, mengasihi kita dan mereka sentiasa memberikan perkara-perkara yang kita perlukan.”


“Ataupun yang kedua; kita akan mengatakan bahawa ada sesuatu zat yang mengenali manusia, mengetahui, mengasihi, memberikan rahmat dan berkuasa atas segala sesuatu, dan zat ini memenuhi keperluan kita tepat pada masanya tanpa lupa atau terpinga-pinga. Pada akhir persidangan ini, kita akan mendapat jawapan kepada persoalan ini.”

Rektor tersebut berhenti seketika. Beliau memandang anak-anak pelajar dengan penuh tenang dan menyatakan satu ucapan yang menimbulkan sebuah pemikiran ini.

“Anak-anak pelajar yang dikasihi sekalian!, terdapat keserasian antara agama kita yang sangat indah ini dengan sains. Hal ini kerana alam semesta yang merupakan tempat penyelidikan sains adalah sebuah karya seni Allah s.w.t dengan semua perkara. Dalam Islam, Allah telah menghantar agama ini melalui Nabi Muhammad s.a.w. iaitu sebagai perantara kepada manusia. Atas sebab ini, wujud keserasian antara agama dan sains. Dua sumber utama Islam iaitu al-Quran dan Hadis sangat menggalakkan mempelajari ilmu pengetahuan serta memuliakan para alim ulama. Islam amat mementingkan

penyelidikan dan penelitian. Islam adalah agama sains, tamadun Islam ialah tamadun sains.”

“Semua pengetahuan seperti sains perubatan, sains angkasa dan sains hayat ialah perkara-perkara yang diciptakan Tuhan kita di alam semesta. Semua ilmu mempunyai ruang bagi menyelidiki hukum dan aturan yang Allah s.w.t tetapkan di alam semesta. Setiap sains memberitahu dan mengenalkan tentang Allah dalam gaya bahasanya sendiri. Kita akan mendengar bahasa ini daripada pembentang-pembentang konferens yang berbeza sepanjang persidangan ini.”





“Oleh kerana itu, kita tidak seharusnya melupakan Allah s.w.t iaitu pemilik ciptaan ini sewaktu kita meneliti tentang alam semesta. Kita harus mengenali Tuhan kita yang tidak kelihatan melalui iman, berdasarkan perbuatan-Nya yang dapat kita lihat. Saya sekali lagi mengucapkan selamat datang kepada kalian semua. Saya dengan ini ingin memberikan satu khabar gembira kepada anda semua bahawa *insya-Allah*, kita akan meneruskan program seperti ini dengan tema-tema yang berbeza dan saya ucapkan selamat maju jaya kepada kalian semua. Semoga sentiasa dalam keadaan sihat selalu.”

Rektor tersebut kemudiannya mengambil tempat duduknya sambil mendapat tepukan daripada para peserta. “Seterusnya, kami mempersilakan pembicara pertama kita, salah seorang ahli kejuruteraan dan sains teknologi iaitu Prof. Madya Dr. Ridwan ke podium. Dengan segala hormatnya saya persilakan,” kata pengacara majlis dan menyerahkan mikrofon kepada Dr. Ridwan.

Akal Bertindak Melalui Bukti

“Anak-anak pelajar yang saya hormati, saya ingin berkongsi pengalaman hidup bersama kalian yang datang. Contohnya, kita sedang dekat dengan pergunungan. Kita lihat bahawa terdapat kepulan asap naik di sebalik gunung itu. Apabila kita melihat tanda seperti ini, kita akan berkata “pastinya ada api di arah sana”. Walaupun kita tidak dapat melihat api itu sepenuhnya, namun kepulan asap yang naik dari arah gunung adalah bukti wujudnya api di situ.”




“Jika kita mendaki gunung dan melihat api dengan mata kepala kita sendiri, tahap pengetahuan kita tentang kewujudan api akan semakin meningkat. Akhir sekali, jika kita pergi ke api tersebut, kemudian kita menggunakan api memamaskan badan, kewujudan api tersebut akan mencapai tahap yang paling pasti untuk kita.”



“Begitu juga ketika kita melihat bangunan seperti ini, kita menganggap bahawa ada seorang jurutera yang membinanya. Walaupun kita tidak melihat jurutera dengan mata kasar kita, ciri-ciri bangunan ini membuktikan

kewujudan jurutera ini. Apabila kita mendengar sebuah lagu, kita sudah tentu tahu bahawa rimanya tidak boleh tersusun dengan cara kebetulan. Semua ini adalah fakta yang selalu tercapai melalui akal fikiran kita kerana akal memerlukan dalil dan bukti untuk memuaskannya.”



Jika Pembuatnya tidak Terlihat Maka Bukanlah Bermaksud Ia Terjadi

Secara Kebetulan

“Sahabat yang saya hormati sekalian, antara perkara pertama yang membuat kita tertanya apabila melihat bangunan yang cantik ialah siapa pembuatnya, bukan? Sebagai contoh, apabila kita melihat struktur yang megah seperti Masjid Süleymaniye di Istanbul dan Istana Dolmabahçe, kita tertanya-tanya siapakah arkitek yang membina strukturnya? Hal ini kerana akal fikiran kita tahu bahawa mustahil struktur bangunan yang indah ini wujud dengan sendirinya.”

“Anak-anak pelajar yang saya kasihi, sekarang saya ingin bertanya kepada kalian, adakah auditorium ini boleh berdiri dengan sendiri?”

“Tidak!” seluruh dewan menjawabnya. Suara Fateh ialah yang paling kuat.

Jika seseorang mendakwa bahawa auditorium ini wujud secara kebetulan, tidakkah kalian akan ragu dengan kewarasannya? Seluruh dewan bergema lagi dengan serentak menjawab, “Iya, kami ragu!”

Dr. Ridwan memanggil Hasan, salah seorang peserta yang duduk di hadapan untuk ke podium. Beliau bertanyakan kepada Hasan dan berkata, “Hasan yang dikasihi, apa yang kamu akan lakukan jika seseorang mendakwa bahawa auditorium ini dicipta secara rawak?”

“Saya akan mengatakan bahawa bangunan yang begitu indah dan artistik ini pastinya mempunyai peminatnya. Bangunan sedemikian tidak boleh wujud secara kebetulan. Jika saya tahu siapa peminatnya, pasti saya akan membawanya berjumpa dengan orang yang berkata itu,” jawab Hasan dengan petah.

Dr. Ridwan mengucapkan terima kasih kepada Hasan dan mempersilakannya untuk duduk lalu meneruskan ucapannya,

“Sahabat-sahabat yang dihormati, saya ialah seorang arkitek

dan jurutera awam. Saya telah menerima pelatihan daripada kedua-dua bidang. Beliau berkata sambil tersenyum, “Untuk pengetahuan kalian, jurutera yang Hasan ingin bertemu ialah saya. Sebelum kami membina bangunan, kami melukis lakaran projek tersebut dan merancang segalanya secara terperinci sehingga perkara yang paling kecil.”


“Ketika kami membina dewan ini, kami mendapat inspirasi melalui gambaran di dunia kita ini. Di dunia ini di mana kita dapat hidup dengan selesa sebagai manusia. Jadi, kami sentiasa cuba melakukan pencahayaan, pengudaraan, pengukuhan dan sistem bunyi berdasarkan struktur dunia kita yang sangat indah ini.”

“Oleh disebabkan itu, sebelum kami membina dewan ini, kami akan memikirkan tentang tujuan pembinaan dewan. Kami akan tentukan kadar kebesaran yang sepatutnya. Kami membuat pelan bagaimana menjadikannya sejuk pada musim panas dan akan hangat pada musim sejuk supaya ia menjadi seperti satu musim sahaja. Kami juga membuat pengiraan tentang pencahayaan dan kedudukan bagi menjadikan pentas kelihatan selesa dari setiap sudut tempat duduk di dalam dewan.”

“Kemudian, kami membuat reka bentuk dalaman, dinding dan lantai dengan nilai-nilai artistik. Kami menumpukan perhatian penuh kepada sistem bunyi yang akan memenuhi ruangan dewan. Kami telah mengambil ciri-ciri keselamatan khas sebagai langkah berjaga-jaga terutamanya ketika menghadapi kemungkinan gempa bumi dan kebakaran. Kami berjaya membina auditorium ini dengan pengukuran kejuruteraan yang sangat terperinci.”

Dunia kita Ibarat Istana yang Tersergam Indah!

“Sekarang mari kita fikirkan bersama, bukankah dunia yang kita diami ini ibarat sebuah bangunan yang tersergam indah? Malah ia kelihatan seperti sebuah istana yang tersergam indah. Nah, kita lihat langit biru yang menjadi siling istana ini, bersinar terang dengan matahari pada siang hari dan bulan serta bintang pada waktu malam.”



“Dasarnya pula dihiasi dengan pokok dan bunga yang sentiasa segar dari hujung ke hujung; itulah bumi yang meriah dengan kehidupan.”

“Matahari kita ibarat pelita dan dapur istana. Anak-anak muda yang saya kasihi, ada tak di rumah atau di sekolah kamu semua mempunyai lampu yang tergantung di udara tanpa diikatkan pada apa-apa pun dan ia sentiasa berputar?”

“Tiadaaaa!” para pelajar menjawab. Mereka menjelaskan bahawa lampu mestilah diletakkan atau digantungkan di suatu tempat.

“Matahari kita berfungsi sebagai lampu gergasi. Walaupun saiz bumi kita berjarak melebihi 1,300,000 ukurannya dengan matahari, ia sentiasa bergerak dalam ruang angkasa. Ia tidak digantungkan pada mana-mana tempat kerana tiada tiang kelihatan di bawahnya. Planet lain juga terus berputar pada orbitnya dan mengelilingi matahari. Matahari melimpahkan cahaya dan haba yang kita perlukan. Ia tidak mengenakan bayaran apa-apa pun kepada kita,” kata Dr. Ridwan dengan semangat.

“Angin yang berada di dunia kita ini, bukankah ia seperti penghawa dingin yang menyejukkan kehidupan dan menyalurkan udara bersih kepada golongan yang memerlukan? Angin juga membawa awan hujan dari satu tempat ke satu tempat. Mereka menyebarkan debunga di mana-mana dan menjadi perantara untuk pembiakan tumbuhan.”

“Gunung-ganang pula adalah sebuah lagi keindahan yang lain. Gunung-ganang yang dipenuhi dengan mineral dan air menjadi bahan penyembuh yang diperlukan oleh makhluk hidup, ibarat menjadi tiang bumi kita yang sangat kukuh.”

“Sahabat yang saya kasihi sekalian, saya ingin menyimpulkan ucapan saya dengan bagaimana sebuah rumah yang sederhana atau bangunan biasa tidak boleh dibina secara kebetulan, begitulah juga dunia kita yang bahkan seperti istana yang sempurna. Ia tidak boleh wujud secara kebetulan. Ia tidak dapat menerima kedudukan yang indah secara sendirinya.”

“Dunia kita dibina oleh Allah s.w.t untuk kita menunjukkan bahawa Dia mengambil berat dan menyayangi kita dengan nikmat yang dicipta-Nya. Dunia kita memperkenalkan Tuhan kita melalui aturan dan susunan-Nya, musim-musim, pembinaan artistik dan lanskap yang indah. Sekian, terima kasih atas kesudian kalian mendengar pengucapan saya dan saya ucapkan selamat maju jaya kepada semua!”

Para pelajar yang datang mendengar pembentangan itu menilai hasil pembentangan dan berkata sesama mereka, “Sangat beruntung kita datang!” menunjukkan rasa puas hati mereka.

Bahasa Rahsia Makhluk

Pengacara majlis kembali ke podium dan berkata, “Sekarang, saya menjemput seorang lagi penceramah ke podium untuk menyampaikan pembentangan beliau mengenai “Bahasa Rahsia Makhluk.”

Seorang wanita iaitu professor dalam bidang komunikasi naik ke podium dan memulakan ucapannya,

“Para pelajar yang dikasihi, saya memulakan pembentangan saya dengan menyatakan satu premis bahawa tiada seorang pun yang tidak pernah mendengar perkataan ‘Komunikasi’. Komunikasi mempunyai tempat yang sangat penting dalam kehidupan kita. Kita menyampaikan perasaan, maklumat dan fikiran kita kepada manusia lain melalui komunikasi secara lisan atau bukan lisan.”



“Komunikasi lisan ialah komunikasi yang kita lakukan melalui pertuturan, bahasa dan perkataan kita. Komunikasi bukan lisan pula ialah sebaliknya iaitu komunikasi yang kita

lakukan melalui bahasa tubuh dan keadaan kita. Sebagai contoh, ketika kita bertemu dengan seseorang, senyuman yang kita lemparkan kepada orang tersebut merupakan satu pernyataan keikhlasan dan kesenangan hati kita.”

“Para pelajar yang saya sayangi, kita boleh memahami sama ada seseorang itu gembira atau tidak, suka atau marah, teruja atau bosan dengan cara kita melihat wajah, bahasa tubuh dan tingkah laku mereka. Walaupun orang berkenaan tidak bercakap dengan lidahnya, dia banyak bercerita melalui bahasa tubuhnya.”

“Begitu juga kita lihat kot putih seorang doktor atau stetoskop yang tergantung di lehernya, pemakaian baju peguam ketika perbicaraan, komander tentera dan pistol di pinggangnya menunjukkan apa tugas mereka tanpa perlu mereka jelaskan.”

“Para pelajar yang dihormati, kadangkala berlaku bahawa seseorang itu banyak bercerita melalui keadaan dirinya dalam diam. Dengan memilih untuk diam, dia sebenarnya boleh mencapai lebih banyak hasil daripada bercakap. Bak kata nenek moyang kita dahulu kala tentang harga sebuah bahasa tubuh atau hal ini, “Jika berkata itu perak, diam itu adalah emas.” Jika kita lihat dengan teliti, kita dapat melihat bahawa terdapat banyak elemen komunikasi bukan lisan dalam kehidupan.”

“Contohnya, semua bentuk amaran, tanda amaran, tanda lalu lintas, lampu isyarat, malah dengan warna yang menarik perhatian kita memberitahu tentang sesuatu tanpa perkataan. Perkara-perkara tersebut melakukan komunikasi kepada kita. Alat pengecas telefon menerusi bahasa keadaannya menghantar maklumat kepada kita, “Kamu boleh mengecas bateri telefon kamu dengan saya!” Namun, alat pengecaj ini juga memberitahu bahawa bukan semua peranti dapat dicaj melaluinya.”



“Begitu juga mesej yang diberikan sebuah teks yang berwarna kuning yang sedang melalui jalan; “anda boleh mengembara dengan saya dari satu tempat ke satu tempat”⁷. Jam di dinding bercakap kepada kita secara tanpa lisan berkali-kali sepanjang hari, mengingatkan kita tentang masa dan peredaran masa.”

Apakah Engkau Sedar Bahawa Aku Sedang Menyampaikan Mesej-mesej Melalui Bahasa Hal-Ku?

“Anak-anak yang saya hormati sekalian, seperti contoh-contoh sebentar tadi, semua makhluk mempunyai ciri-ciri berkomunikasi dengan kita dengan bahasa hal mereka sendiri. Ciri-ciri ini diberikan oleh Allah s.w.t kepada mereka. Betapa mudahnya kita memahami dan bergaul dengan orang yang kita tahu bahasanya. Begitu juga, jika kita dapat menghuraikan bahasa keadaan makhluk di alam semesta ini, kita dapat memahami dengan mudah apa yang ingin diberitahu oleh Pencipta kita melalui makhluk tersebut.”

“Semua makhluk telah menjadi pengantara mesej-mesej yang ingin Allah sampaikan kepada kita. Mereka bercakap dengan kita dalam bahasa hal mereka masing-masing. Mereka memberitahu dan memperkenalkan kepada kita Pencipta mereka, Allah *azza wa jalla*. Hal ini secara konsepnya disebut sebagai percakapan melalui ‘*lisanul hal*.’⁸ Ciri yang ada dan tidak ada pada sesuatu makhluk, menceritakan tentang Tuhan kita.”


“Sebagai contoh, hakikat orang yang jahil tentang sesuatu memerlukan kepada ilmu pengetahuan adalah satu situasi yang harus dipertimbangkan. Hal ini kerana orang yang jahil akan menjelaskan bahawa dia tidak melakukan sesuatu pekerjaan secara sendiri, dengan kejahilannya mengenai perkara itu.”

“Tidakkah ia menjelaskan kepada kita bahawa orang yang lemah mencapai hasil memerlukan sebuah kekuatan yang lebih besar? Ketidakberdayaannya memberitahu orang lain

7. Teks-teksi di Turkiye berwarna kuning.

8. Perkataan bahasa Arab yang bermaksud bahasa keadaan.

Melihat di Sebalik Epal



bahawa ia memerlukan sebuah kekuatan yang lebih besar. Apabila kita melihat karya seni yang dicipta oleh seseorang yang tidak mengetahui tentang seni dan kecantikan, kita harus berfikir bahawa kita sedang berada dalam keadaan di mana kita perlu meneliti secara mendalam. Nah, setiap daripada makhluk berkata kepada kita, “Wahai manusia, adakah anda sedar bahawa saya sedang menghantar mesej kepada anda melalui *lisanul hal* saya?”

“Sahabat-sahabat yang saya hormati, seperti mesej seekor lebah yang merupakan serangga menyengat, membawa kepada kita madu yang manis dan menyembuhkan. Melalui *lisanul hal* sekuntum bunga, ia memberikan satu mesej melalui *lisanul hal* mereka; “Kecantikan pada saya hanya boleh dicipta oleh Tuhan. Tanah, air dan cahaya yang diciptakan, aku juga dicipta bersama mereka.”

“Seperti kawan-kawan bunga saya yang lain, kami adalah bukti kewujudan, kesatuan dan sifat-sifat pencipta saya. Tanah yang milik siapa pun, kami yang keluar dari tanah ini adalah milik-Nya. Semua bunga di dunia seperti saya, menerima cahaya dari matahari yang sama, kita mendapat manfaat daripada udara yang sama. Pemilik matahari juga pemilik kami.”

“Nah, anak-anak para pelajar sekalian, orang yang melihat makhluk dengan cahaya iman menyedari bahawa semua makhluk bercakap kepada kita dalam bahasa yang unik dan boleh menguraikan bahasa ini di alam semesta.”

“Terima kasih saya ucapkan atas kesudian untuk mendengar ucapan saya dengan penuh perhatian. Saya mendoakan agar kalian semua bahagia dan berjaya!”

Kedengaran tepukan gemuruh. Para pelajar itu menyedari hakikat bahawa makhluk berkomunikasi dengan manusia dengan cara tanpa ucapan dan perkataan. Seterusnya ialah persembahan daripada guru seni lukis. Sebelum daripada pembentangan seterusnya berlangsung, waktu rehat telah diperuntukan selama 30 minit. Para pelajar tertanya-tanya apa yang akan dibentangkan oleh penceramah seterusnya. Mereka mengambil nota penting daripada ucapan semua pembentang dan cuba mendengar perbentangan dengan penuh teliti.

Perkara yang Memerlukan Ilmu Tidak Boleh Dilakukan Oleh Si Jahil

Dalam pada itu, mereka semua keluar ke kawasan ruang legar. Beberapa pelajar meminta keizinan Cikgu Yusuf menuju ke arah mesin penjual makanan dan minuman ringan di sudut kanan dewan. Mereka berasa dahaga dan agak lapar.

Mesin layan diri itu dipenuhi dengan minuman dan makanan seperti minuman ringan dan biskut. Apabila kita memasukkan duit di tempat masuk syiling, maka pilihan makanan atau minuman yang telah kita pilih akan diberikan dari bawah. Cikgu Yusuf memerhati mereka dari jauh. Cikgu Yusuf berkata kepada pelajar-pelajar lain yang berada di sebelahnya,

“Jom kita pergi kepada kawan-kawan kamu.” Mereka bersama-sama pergi ke mesin layan diri itu. Di sekolah mereka tidak ada mesin seperti itu. Justeru, beberapa pelajar meneliti mesin itu dengan teliti.

Cikgu Yusuf melontarkan persoalan, “Bolehkah mesin ini menjadi contoh komunikasi bukan lisan yang dibincangkan oleh pensyarah tadi?”

“Ya, boleh cikgu. Hal ini disebabkan mesin layan diri ini seolah-olah memberitahu kita dengan *lisanul halnya*; “Jika kamu inginkan air, aku akan berikan air, jika kamu inginkan biskut, aku boleh berikan biskut, jika kamu inginkan coklat, aku boleh berikan coklat,” jawab Mustafa.

Cikgu Yusuf mengangguk, “Betul tu, ada idea lain?”

“Cikgu, mesin automatik ini tidak mempunyai fikiran atau kesedaran. Bagaimana dia tahu keperluan kita yang mahukan air dan makanan? Pasti ada seseorang yang mengenali manusia dan mengetahui keperluan mereka telah meletakkan mesin ini di sini,” terang Khadijah dengan terperinci.

Said si ketua kelas pun berkata, “Cikgu, mesin ini tidak boleh memberi apa-apa jika tiada siapa yang mengisi kandungan mesin ini ke dalam mesin.”

“Sangat betul! Nampaknya kamu semua sangat memahami mengenai komunikasi bukan lisan dalam *lisanul hal* ini. Bukankah sebentar tadi pensyarah komunikasi yang baru menyampaikan pembentangan itu berkata, “Ia adalah satu situasi yang perlu difikirkan sekiranya sesuatu atau seseorang yang jahil seolah-olah melakukan sesuatu yang memerlukan kepada ilmu.”

“Sekarang, kita hilangkan dahaga kita melalui mesin automatik ini. Mungkinkah mesin yang tidak bernyawa ini yang memberikan kita air dan melayani kehendak kita? Bolehkah mesin yang tidak mempunyai perasaan ini tahu keperluan kita untuk memberikan rasa kepada kita? Sudah tentu dia tidak tahu.”

“Jadi, bukankah kita harus menyelidik puncanya? Sama juga halnya dengan keadaan di tanah, bukan? Bagaimana tanah tahu bahawa kita lapar? Bolehkah tanah atau air tahu bahawa dengan memberikan kita gandum, kita akan berpuas hati dan gembira?”

Para pelajar dengan serentaknya berkata, “Sudah tentu mereka tidak boleh tahu cikgu kerana mereka tidak mempunyai kemampuan seperti itu.”

“Betul! Mereka hanya perantara sahaja. Mereka hanyalah perantara apabila melaluinya, berkat datang daripada khazanah rahmat Allah s.w.t. Allah s.w.t menghantar berkat daripada khazanah rahmat setiap tahun pada musim bunga. Ia memenuhi dahan pokok yang kering seperti rangka pada musim sejuk dengan buah pada musim bunga. Saban tahun berlaku seperti itu.”



“Hal ini kerana khazanah rahmat Allah tidak pernah ada penghujungnya, tiada penamat, tidak akan habis. Sedangkan, jika kita lihat pada mesin ini, jika tiada siapa yang mengisi mesin automatik ini, mesin ini tidak dapat memberikan apa-apa kepada kita dengan sendirinya.”

Dalam ramainya pelajar itu, Rayyan berkata, “Cikgu, mesim ATM begitu juga, kan?”

“Ya, itu pun sama, Rayyan. Tiada mesin ATM yang tahu berapakah wang yang diperlukan kamu. Sesuatu yang tidak mempunyai rasa dan pengetahuan, tidak boleh melakukan apa-apa pekerjaan. Bolehkah mesin ATM berikan anda wang jika tiada sesiapa yang memasukkan wang ke dalamnya?”

Sebuah Lukisan Mustahil Ada Tanpa Pelukisnya

Waktu rehat sudah tamat. Para pelajar mengambil semula tempat di dalam dewan. Pengacara majlis naik ke pentas sekali lagi dan menjemput guru seni lukis ke podium. Guru tersebut difahamkan berusia dalam lingkungan lima puluhan naik ke pentas dengan tepukan. Beliau memulakan ucapannya dengan nada perlahan. Guru itu berkata bahawa beliau akan berucap secara berjalan bukan berdiri di hadapan podium sahaja. Satu paparan turut ditayangkan ke skrin layar besar di atas pentas.

Pada paparan tersebut ada sebuah lukisan minyak. Pada lukisan ini terdapat rama-rama berwarna-warni yang berbeza terbang di atas bunga. Guru seni lukis itu kemudian berkata, “Saya ingin menjemput salah seorang daripada kamu yang ingin menjadi sukarelawan ke pentas. Saya ingin mentafsir lukisan ini bersamanya.”

Sejurus guru seni lukis berkata begitu, Rayyan yang gemar melukis di dalam kelas segera mengangkat tangan. Dia kemudiannya datang bertemu mata dengan guru seni lukis tersebut. Oleh sebab mempunyai kelebihan berada dekat dengan pentas, guru tersebut menjemputnya sambil berkata, “Silakan!”



Rayyan kelihatan agak gemuruh. Dia pandai melukis tetapi bagaimana rasanya mentafsir sebuah lukisan bersama dengan seorang guru universiti? Pemikiran tersebut menjengah di kepalanya, namun dengan segera dia ke pentas.

Kemudian, dia sudah berada di sebelah guru tersebut. Guru tersebut terlebih dahulu mengucapkan syabas atas keyakinan dirinya. Kemudian, guru tersebut bertanyakan namanya untuk meredakan sedikit gemuruhnya.

“Ya Rayyan, sekarang mari kita nilai lukisan yang indah ini bersama-sama. Apa yang sedang dijelaskan oleh lukisan ini kepada kita? Mari sama-sama kita mentafsirnya.”

“Baiklah cikgu, saya cuba. Saya melihat rama-rama yang telah dilukis di atas kanvas ini. Semua rama-rama sangat cantik, berbeza dan penuh artistik. Kelihatan langit cerah di belakangnya serta bunga dan pokok yang berwarna-warni. Terdapat juga palet lukisan. Saya melihat cat dan berus berbeza dengan ketebalan yang berbeza berada di atasnya.”

“Cantik sekali penerangan awak itu, Rayyan. Adakah anda fikir lukisan ini boleh wujud dengan sendirinya?”

“Tidak cikgu, bolehkah perkara seperti itu berlaku? Hanya pelukis yang mahir boleh membuat lukisan yang cantik ini. Selain itu, pelukis tersebut meletakkan tandatangannya sendiri pada bahagian bawah lukisan itu.”

“Benar! Tandatangan pelukis turut ada di atasnya. Sudah tentu lukisan ini dibuat oleh seorang pelukis kerana tiada lukisan yang lengkap tanpa seorang pelukis. Tiada arca boleh dibuat dengan sendirinya. Lukisan cantik ini tercipta hasil daripada perasaan dan kebolehan seorang pelukis yang berbakat. Baiklah Rayyan, saya ingin bertanya satu soalan lagi. Adakah anda fikir cat warna pada lukisan itu mungkin terpercik secara rawak untuk membentuk imej rama-rama yang berbeza itu?”

“Tidak, ia tidak boleh berlaku!”

“Kenapa?”

“Kerana warna-warna yang ditaburkan secara rawak tidak akan membentuk bentuk-bentuk yang benar dan baik. Lagipun, cat warna itu tidak ada bakat nak buat lukisan ini.”

“Syabas Rayyan. Awak menerangkannya dengan sangat baik. Cat warna bukan hidup yang digunakan dalam pembuatan gambar ini tidak boleh menjadi pelukis kepada gambar. Berus yang digunakan semasa melukis gambar tidak mempunyai kemahiran melukis. Kertas kanvas juga sangat jauh daripada menjadi pelukis gambar.”

Guru seni lukis tersebut kembali ke ruang dewan kali ini dan memulakan penerangannya.

“Sahabat-sahabat sekalian, saya mohon izin, pertama sekali saya ingin memberikan satu pengakuan kepada kalian.” Para penonton di dalam dewan terutamanya Rayyan tertarik dan ingin mengetahuinya.

Guru tersebut menyambung, “Kadangkala saya melukis rama-rama, saya akan mengambil rama-rama sebagai model dan melihatnya. Begitulah saya mula mempelajarinya dan melukisnya. Saya mula melukis daripada sayap pertama. Walau bagaimanapun, semasa melukis sayap yang satu lagi, saya perlu melukis dengan lebih berhati-hati lagi.”

Rayyan yang ingin tahu bertanya, “Mengapa cikgu berhati-hati dan teliti semasa melukis sayap yang satu lagi?”

Guru tersebut menjawab dengan senyuman, “Kerana saya melukis sayap yang satu lagi dengan sebelumnya. Saya melukis sayap pertama dengan mengukurnya dan melihatnya. Jadi, ia memerlukan perhatian dan penelitian kerana kedua-dua sayap rama-rama itu mempunyai simetri yang sama, susunan yang sempurna dan ukuran yang sangat tepat.”

Semasa guru seni lukis itu menceritakan hal tersebut, pelukis cilik Rayyan juga mengesahkan kata-kata guru itu dengan anggukan kepalanya yang juga mempunyai pengalaman berurusan dengan gambar.

Pembuat Bukanlah Daripada Jenis Objek

Guru seni lukis tersebut mengucapkan terima kasih kepada Rayyan kemudian mempersilakannya kembali duduk di tempatnya.

“Ya sahabat-sahabat yang dikasihi, kita semua telah melihat bahawa lukisan tidak boleh dibuat tanpa pelukis. Hal ini kerana apabila kita meneliti proses pembuatan lukisan itu, kita melihat lukisan dan pembuatnya. Lukisan ialah objek iaitu satu aset yang didagangkan. Manakala, pelukis ialah subjek. Dalam erti kata lain, pelukis akan melukis dan mengukur gambar dengan mempunyai ciri bertahap tinggi. Seorang pelukis boleh wujud tanpa lukisan, tetapi lukisan tidak akan wujud tanpa seorang pelukis dan perkara yang sangat penting ialah pelukis bukanlah tergolong dalam jenis lukisan.”

“Ia bermaksud, subjek bukanlah daripada jenis objek. Sesuatu yang menjadi subjek mesti mempunyai ciri bertahap tinggi yang berbeza. Seorang pelukis mesti mempunyai dan mengaplikasikan banyak pengetahuan seperti ilmu cahaya, penglihatan visual, konsep tiga dimensi, harmoni warna untuk mengukur dan melukis sesuatu gambar. Ciri-ciri ini tidak terdapat dalam lukisan, berus mahupun cat warna.”

“Sekali lagi, keadaannya sama apabila kita membayangkan sebuah patung. Bahkan patung tidak boleh wujud dengan sendirinya. Tiada arca yang boleh membuat dirinya sendiri. Saya seorang guru seni lukis. Sehingga ke hari ini, saya tidak pernah menyaksikan cat warna dan berus mencipta lukisan sendiri tanpa pelukis yang hidup dan bijak. Saya tidak menemukan bahawa pemahat boleh mengukir patung dengan sendirinya. Saya juga tidak pernah menemukan perkara-perkara rawak seperti itu.”

Kemudian, guru menyambung lagi ucapannya,


“Kalau begitu, mari kita semua bayangkan rama-rama yang sebenar. Ya, rama-rama yang sebenar boleh terbang, bernafas, mempunyai sistem pernafasan dan menggerakkan sayapnya. Rama-rama mempunyai sistem peredaran darah

dan memerlukan sistem yang mengepam darah untuk sentiasa mengepakkan sayapnya.”

“Rama-rama juga memerlukan sistem pencernaan untuk membesar dan berkembang. Rama-rama memerlukan banyak sistem dan organ untuk mampu bergerak, mengekalkan daya hidup, berkomunikasi dengan dunia dan mencari rezeki. Lukisan rama-rama yang tiada di atas kertas hanya boleh dilakukan oleh seorang pelukis, bukan? Maka, bagaimanakah dapat dibayangkan bahawa rama-rama yang hidup ini akan wujud tanpa pencipta?”

“Nah, rakan saya dari jabatan sains akan menjawab persoalan ini. Saya akan akhiri pembentangan saya ini dan menyerahkan pentas ini kepadanya. Sepenuh hati saya ucapkan ribuan terima kasih kerana mendengar pembentangan saya dengan penuh perhatian.”

Pengacara majlis kembali semula ke pentas. Beliau mengucapkan terima kasih kepada guru seni lukis atas pembentangan yang sangat bagus dan menjemput seorang guru sains ke podium. Guru sains tersebut ialah seorang lelaki yang telah berusia tetapi masih cergas. Guru tersebut mengucapkan salam dengan suara yang lantang dan mula menayangkan pembentangannya di skrin. Sesuatu ayat yang sukar difahami tertera pada skrin.



!Sikulep Gnaroos Nakulrep Nup amar-amar Rokees Nasikul Utas Nakhab

Guru sains itu memulakan ucapannya, “Menurut kalian, apa yang tertulis di skrin ini?” Tanya guru tersebut kepada seluruh pelajar. Semua orang melihat teks tersebut, tetapi tiada siapa yang dapat menjawab. Tiba-tiba, seorang pelajar dari sekolah lain yang duduk di baris hadapan berkata, “Saya dapat menyelesaikannya!”

“Silakan anakku!” kata guru sains tersebut sambil menyerahkan ruang untuk pelajar tersebut.

“Cikgu, ia tertulis ‘Bahkan satu lukisan seekor rama-rama pun perlukan seorang pelukis!’ Hakikatnya itulah yang telah guru itu tulis.

Guru itu mengucapkan syabas kepada pelajar tersebut dan berkata, “Syabas anakku!” dan menyambung,

“Saya sengaja menulisnya secara terbalik untuk menarik perhatian kalian. Syabas, kalian menyelesaikannya dengan cepat!”

“Wahai pelajar sekalian, saya ingin sambung dari tempat sahabat saya berhenti sebentar tadi. Rama-rama secara saintifik terbahagi kepada dua. Rama-rama siang dan rama-rama malam. Adakah kalian tahu bahawa terdapat sekitar 150,000 spesies rama-rama? Rama-rama hidup, terbang, berwarna-warni dan mempunyai banyak hubungan dengan sekelilingnya.”

“Contohnya, rama-rama siang hari memerlukan matahari untuk mencari jalan arahnya. Ia mempunyai kaitan dengan hukum graviti supaya semua rama-rama boleh terbang dengan selesa. Mereka mempunyai hubungan yang menarik dengan bunga dan debunga.

Rama-rama yang biasanya hidup selama 1-2 bulan, tidak mengambil mana-mana latihan penerbangan. Mereka terbang dengan sempurna tanpa mengetahui peraturan penerbangan. Bahkan, rama-rama malam mempunyai sistem penghidu dan pendengaran yang sangat sensitif dan luar biasa. Sesetengah spesies boleh menghidu rama-rama lain dalam jarak 5 km.”


“Ya sahabat-sahabat yang dikasihi, Pencipta yang mencipta rama-rama itu mesti tahu ciri-ciri yang kita sebutkan tadi. Pertama sekali, rama-rama mesti mengetahui semua persekitaran, kehidupan dan hubungannya. Dia mesti tahu hubungan antara rama-rama dan matahari, antara rama-rama dengan graviti. Seseorang yang tidak mengetahui perkara-perkara ini tidak boleh menjadi pemilik atau pencipta rama-rama.”

“Sahabat sekalian, makhluk seperti rama-rama dan lalat tidak dicipta seekor sahaja. Mereka dicipta dengan sangat pantas dan banyak sehingga kita tidak tahu jumlah bilangannya. Walaupun terdapat begitu banyak daripada spesies ini dan ia dicipta dengan pantas, mereka semua mempunyai keindahan dan kesempurnaan yang sama. Semuanya seperti sebuah karya seni.”

Setiap Satu Perkara Terkait Dengan Segala Perkara!

Untuk memastikan rama-rama dapat hidup, makan dan terbang, segala keperluan rama-rama itu mestilah tersedia. Ia bermaksud, sesiapa yang memiliki rama-rama, maka ia juga pasti memiliki matahari. Sesuatu zat yang bukan menjadi pemilik matahari, tidak akan dapat membuat rama-rama melihat kerana rama-rama memerlukan matahari.

Terdapat satu kesatuan di alam semesta. Sesuatu yang



berkaitan dengan segala-galanya. Keupayaan rama-rama hidup untuk melihat, terbang dan bertahan bergantung terhadap banyak faktor. Mereka yang tidak mengetahui faktor-faktor ini tidak boleh mencipta rama-rama tersebut.

Apa sahaja yang diperlukan untuk rama-rama hidup, pencipta rama-rama juga mesti mencipta perkara yang diperlukannya. Sesiapa yang mencipta mata rama-rama juga perlu mencipta sistem suria kerana sesuatu di alam semesta sangat berhubung kait antara satu sama lain.

Sesuatu Yang Tidak Hidup Tidak Boleh Memberikan Kehidupan!

“Saya ingin membongkarkan sesuatu mengenai tajuk ini. Sebagai contoh, ciri yang paling menarik dilihat pada rama-rama ialah ciri-ciri kehidupannya. Saya berpendapat bahawa sesiapa yang boleh memberikan ciri khas sedemikian harus mempunyai kelayakan peringkat tinggi.”

“Oleh hal yang demikian, untuk menghidupkan sesuatu, pencipta yang menghidupkannya juga mesti hidup. Bagaimana sesuatu yang tidak hidup memberikan nyawa kepada sesuatu yang lain? Oleh yang demikian, air dan tanah yang tidak hidup, udara dan matahari yang tidak bernyawa tidak boleh mencipta rama-rama.”

“Para pelajar yang dikasihi, pencipta yang memberi mata kepada rama-rama dan makhluk hidup yang lain juga mestilah pemilik matahari. Kerana tanpa matahari, mata tidak dapat berfungsi. Sesiapa yang memberi rama-rama sistem pendengarannya, mestilah juga pencipta bunyi. Apalah gunanya telinga jika tiada bunyi!”

“Oleh sebab yang demikian, Allah s.w.t yang memberikan deria penglihatan kepada makhluk hidup juga Maha Melihat. Bolehkah Tuhan kita yang memberikan setiap makhluk hidup sistem pendengaran, memberikan sifat tersebut kepada kita sedangkan Dia sendiri tidak dapat mendengar? Adakah boleh dibayangkan bahawa Allah yang menjadikan semua makhluk

hidup boleh bercakap antara satu sama lain dengan cara yang sangat berbeza, tidak tahu bagaimana untuk bercakap?”

Selepas dewan memberikan tepukan, pengacara majlis kembali ke pentas dan memberikan satu cadangan,

“Sahabat sekalian, nampaknya kalian agak keletihan walaupun topik-topik yang dibahaskan sangat bagus. Seperti yang diterangkan oleh guru pembentang sebentar tadi, melalui *lisanul hal* dewan ini, mungkin kita perlukan rehat untuk mendengar dengan lebih teliti dan bersemangat. Sekarang, kita berikan masa 30 minit untuk berehat. Silakan nikmati jamuan ringan dan teh di ruang legar dewan!”

Jika Banyak Tangan Bercampur Dalam Suatu Pekerjaan, Ia Akan Berkecamuk

Teh dan kuih-muih telah dihidangkan di ruang legar dewan. Anak-anak pelajar duduk di sofa yang terdapat di ruang legar yang agak luas bersama Cikgu Yusuf. Perhatian mereka tertumpu pada akuarium besar yang diletakkan di bahagian berlainan kawasan ruang legar.

Salah seorang daripada mereka pergi menghampiri akuarium tersebut dan memeriksanya. Akuarium tersebut kelihatan sangat hebat. Terdapat rumpai laut dan ikan yang berbeza warna di dalamnya. Gelembung udara sentiasa muncul di dalam dan di permukaan air.

“Adakah sesiapa yang mempunyai akuarium di rumah dan memelihara ikan?” tanya Cikgu Yusuf memulakan perbualan dengan pelajarinya.

“Di rumah saya ada cikgu,” jawab Khadijah.

“Bagaimana, adakah sukar untuk menjaga ikan-ikan tersebut?”

“Ya cikgu, ia agak sukar tetapi ayah saya menjaganya. Saya hanya membantu ayah saya sahaja. Ia adalah satu usaha yang sangat menyeronokkan.”

“Bolehkah kamu beritahu kami sedikit tentang cara bapa kamu menjaga ikan-ikan itu?”

“Sebenarnya cikgu, terdapat keseimbangan yang sangat penting bagi akuarium. Bahkan bapa saya berkata, “Hidup ini adalah keseimbangan”. Contohnya, enjin oksigen elektrik yang berfungsi di dalam akuarium, mengepam oksigen ke dalam air akuarium. Jumlah oksigen tidak boleh terlalu banyak atau terlalu sedikit. Ia harus seimbang dengan sempurna.”

“Pernah sekali kami pergi bercuti, motor udara rosak dan ikan kehabisan oksigen. Habis semua ikan kami mati. Kemudian, kebersihan akuarium juga sangat penting. Kami membersihkan airnya dengan sentiasa menapisnya menggunakan penapis elektrik. Sisa-sisa kotoran daripada ikan akan mencemarkan air. Ikan akan menjadi sakit dan tidak boleh hidup dalam air yang tercemar. Jadi, kami letak ikan pemakan kotoran supaya mereka boleh membersihkan akuarium.”

“Selain itu, ayah saya tidak mahu ada orang lain yang masuk campur agar tidak mengganggu keseimbangan dan ketenteraman dalam akuarium. Saya tidak akan lupa peristiwa ini. Pernah satu ketika, sepupu saya datang ke rumah kami sebagai tetamu. Tanpa pengetahuan ayah saya, dia tersalah memberi makan ikan dengan memberikannya secara berlebihan lalu menyebabkan ikan kami sakit. Ayah saya kemudian memberitahu kepada kami, “Tidak boleh ada dua kepala di satu tempat. Jika ia terjadi, ia tidak akan teratur.” Kemudian, beliau menerangkan maksud kata-kata tersebut.”

“Seperti yang kamu katakan Khadijah, bukan mudah untuk menjaga akuarium, bukan?”

“Belum habis lagi cikgu. Kami akan menyimpan anak-anak ikan dalam petak yang berasingan. Keseimbangan cahaya dalam akuarium juga sangat penting. Ia sepatutnya mendapat cahaya yang nipis supaya ikan tidak terganggu.”

“Pekerjaan ini benar-benar memerlukan perhatian dan penjagaan. Berapa besar akuarium di rumah awak? Adakah sebesar sebuah bilik?”

“Tidaklah cikgu, ia tidak begitu besar. Satu setengah meter panjangnya dan 70 sentimeter lebarnya.”

“Lihat sahabat-sahabat, betapa banyak penjagaan yang diperlukan walau ia sebuah akuarium kecil. Ia memerlukan perhatian secara teratur. Keperluan-keperluan ikan pula perlu diberikan tepat pada waktunya. Jika ada campur tangan pihak lain, aturan pada akuarium tersebut akan terganggu.”

“Baiklah, mari kita fikirkan siapa yang menjaga ikan di parit, tasik, sungai, pantai dan laut? Siapa yang akan mengekalkan keseimbangan oksigen di sana? Siapa yang memberikan makan dan menguruskan ikan dan hidupan air di sana? Siapa yang melakukan pembersihan tempat-tempat tersebut?”

“Contohnya, mari kita fikirkan tentang hidupan laut yang rezekinya telah ditentukan dengan sempurna dalam pasir dan air yang sederhana. Walaupun sesetengah ikan menghasilkan berjuta-juta telur, ekosistem kehidupan laut tidak merosot. Siapakah yang menetapkan neraca yang sempurna ini dan siapakah yang memeliharanya setelah ia diwujudkan?”



“Anak-anak pelajar yang dikasihi sekalian, mari kita renungkan, walaupun dunia kita berputar dengan pantas di ruang angkasa, laut tidak mencero boh daratan dan aturan ini terus berjalan dengan sempurna. Aturan yang sempurna dan berterusan ini adalah bukti bahawa kerja-kerja ini dilakukan dan diurus oleh satu tangan.”

“Jika ada tangan kedua, keadaan akan menjadi kacau dan aturan-aturan ini akan binasa. Oleh kerana banyak tangan yang terlibat dalam sesuatu kerja, ia akan bercelaru. Pengurusan, ketertiban dan pemeliharaan laut serta pemakanan hidupan di dalamnya, hanya boleh dicapai dengan pengetahuan dan kuasa yang tidak terhingga daripada Tuhan kita yang Maha Esa.”

Para pelajar tersebut mendengar penerangan daripada guru mereka, Cikgu Yusuf sambil menghirup teh yang diambil mereka tadi.

Penceramah Yang Tidak Disangka-sangka

Waktu rehat telah pun tamat. Semua pelajar kembali ke dewan dan duduk di tempat masing-masing dengan penuh tertib. Mereka semakin bersemangat dan ingin tahu tentang pembentangan penceramah seterusnya. Penyampai ialah seorang pemegang ijazah doktor falsafah dalam bidang Pengajian Islam di Universiti Sains Islam Istanbul dan beliau ialah Dr. Yusuf.

Penceramah terakhir ini benar-benar sebuah kejutan. Anak-anak pelajar itu terkejut namun sangat gembira. Mereka langsung tidak mengetahui bidang guru mereka itu. Mereka menunjukkan wajah-wajah gembira ketika guru mereka naik ke podium. Mereka semua bangga dengan guru mereka. Mereka saling memandang antara satu sama lain dengan penuh gembira sambil memberikan tepukan gemuruh sebelum mendengar dengan penuh teliti penyampaian guru mereka.

Cikgu Yusuf memulakan bicaranya, “Anak-anak pelajar yang saya kasihi dan guru-guru yang saya hormati, saya ingin berkongsi secara ringkas dengan anda empat daripada enam

rukun iman. Sahabat sekalian, rukun iman ada enam. Nabi kita, Muhammad s.a.w menjelaskan kepada kita enam rukun iman tersebut ialah beriman kepada Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para nabi-Nya, hari kiamat dan qada' qadar iaitu buruk dan baik datang daripada Allah s.w.t. Sekarang, saya ingin menerangkan secara ringkas enam prinsip iman dalam susunan doa iman⁹.

Setiap Syair Menunjukkan Penyairnya

“Anak-anak pelajar yang saya kasihi, beriman kepada Allah bermaksud mempercayai kewujudan, keesaan dan tidak mempunyai sekutu bagi-Nya, yang mencipta segala-galanya daripada tiada. Segala yang ada di alam ini ialah bukti kewujudan Tuhan. Sebagaimana sebuah karya seni merupakan bukti penciptanya, begitu juga segala sesuatu di alam ini ialah bukti kewujudan Allah s.w.t, yang menciptakan semuanya.”

“Sama seperti puisi tanpa penyair atau bangunan tanpa arkitek adalah tidak masuk akal, begitu juga alam semesta tanpa pencipta. Sebaliknya, alam semesta yang teratur dan tidak ada sebarang percanggahan ini ialah bukti keesaan Allah s.w.t. Susunan sempurna serta menakjubkan yang dapat dilihat pada penciptaan atom sehinggalah bintang-bintang di alam semesta menunjukkan keesaan Allah s.w.t dan tidak ada sekutu bagi-Nya.”



9. Masyarakat Turki menyebutnya dengan 'Amentü duasi'. Doanya berbunyi;

أَمَنْتُ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْأَخِيرِ وَبِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ مِنَ اللَّهِ
تَعَالَى وَالْبَعْثِ بَعْدَ الْمَوْتِ حَقِّي أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

“Di mana ada ketertiban, di situ jualah adanya kesatuan kerana jika ada dua orang sultan di sebuah negara, dua gabenor di sebuah bandar dan dua pengetua di sebuah sekolah, pastinya akan berlaku percanggahan dan kekeliruan pada setiap pengurusan negara, bandar dan sekolah itu.”

“Sebagai contoh, bagaimana keadaannya jika sekolah anda mempunyai dua pengetua? Tidakkah keadaan akan bercampur aduk? Tidakkah pengetua lain akan membantah keputusan pengetua pertama dan menimbulkan masalah?”

Tidak Melihat Malaikat Tidak Bermaksud Mereka Tidak Wujud

“Sahabat-Sahabat yang saya kasihi, saya ingin bertanya kepada anda satu soalan. Adakah anda pernah ke Australia? Sekiranya ada, angkat tangan. Hem, tidak ada siapa pun di dalam di dewan ini yang mengangkat tangan. Adakah terdapat benua yang dipanggil Australia?”

“Ya, ada,” jawab semua orang.

“Anak-anak pelajar yang saya hormati, malaikat hidup dalam dimensi yang berbeza daripada manusia. Alam rohani yang menjadi tempat tinggal malaikat berbeza dengan alam kita. Walaupun kita belum pernah ke benua Australia dan tidak pernah melihat orang yang tinggal di sana, kita tidak ragu-ragu tentang kewujudan penduduk-penduduk tersebut.”


“Namun dek kerana seseorang di antara kita di dunia ini telah pergi ke sana dan bertemu dengan mereka, ia menjadi bukti kukuh bagi kita semua tentang kewujudan mereka. Maka, sama halnya dengan kita belajar tentang kewujudan malaikat daripada semua agama yang diutuskan oleh Allah, melalui para nabi yang bertemu dengan mereka dan daripada kitab-kitab suci yang diutuskan Allah kepada kita.”

“Sahabat sekalian, malaikat ialah makhluk ghaib, tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan mereka diciptakan daripada cahaya. Tuhan kita telah memberikan tugas yang berbeza kepada mereka. Namun, hakikat bahawa mereka tidak

dapat dilihat bukanlah bermakna mereka tidak wujud kerana kita menerima kewujudan banyak perkara yang tidak dapat kita lihat dengan mata tanpa ragu-ragu.”

“Contohnya, terdapat beberapa mikroorganisme yang hanya dapat dilihat dengan teleskop. Terdapat juga beberapa planet dan bintang yang hanya boleh dilihat dengan teleskop. Walaupun kita tidak nampak kewujudan mereka, kita menerimanya dengan penuh yakin melalui para saintis yang pakar dalam bidang ini.”

“Nah, oleh kerana semua nabi yang merupakan utusan Allah yang boleh kita percaya adalah pakar dalam hal maknawi, mereka mengatakan, “Malaikat-malaikat itu wujud secara hakikatnya dan kami telah melihat mereka.” Ia menjadi dalil kepada iman kita.”




“Hakikatnya kita tidak perlu meragui kewujudan mereka hanya kerana kita tidak dapat melihat mereka dengan mata kasar kita kerana terlalu banyak perkara yang kita tidak meragui kewujudannya walaupun kita tidak nampak. Contohnya, kita tidak dapat melihat gelombang elektromagnetik dalam telefon bimbit dengan pandangan mata kasar, tetapi kita sangat menerima kewujudannya.”

“Terdapat banyak entiti dalam jurang udara seperti gelombang radio, bunyi dan televisyen, tetapi kita juga tidak dapat melihat mereka. Hanya kerana kita tidak dapat melihat mereka, bukan bermakna mereka tidak wujud.”

“Anak-anak pelajar yang dikasihi, ketidakupayaan kita untuk melihat malaikat bermakna ‘mereka belum ditunjukkan kepada kita buat masa ini’ dalam dunia ujian yang kita hadapi. Ini juga bermakna bahawa kita tidak berada dalam kedudukan untuk melihat mereka di bumi ini.”

“Sahabat sekalian, sekarang saya ingin menerangkan sedikit tentang iman dalam kitab-kitab. Allah mengutus para nabi untuk menunjukkan kepada kita jalan yang benar dan untuk mengajar kita aturan-aturan yang akan membahagiakan kita di dunia dan akhirat.”



“Nabi ialah utusan yang mengajarkan dan memberitahu manusia tentang masalah-masalah yang tidak dapat mereka jawab melalui hanya dengan fikiran mereka sendiri. Tuhan kita telah menurunkan kitab-kitab dan suhuf kepada sebahagian rasul-rasul-Nya. Nabi-nabi yang tidak diberi kitab dan suhuf juga telah menjalankan tugas kenabian mereka mengikut kitab dan suhuf nabi sebelum mereka.”

“Empat kitab besar dan nabi-nabi yang diturunkan pula ialah Taurat kepada Nabi Musa a.s, Zabur kepada Nabi Daud a.s, Injil kepada Nabi Isa a.s dan al-Quran al-Karim kepada Nabi Muhammad s.a.w.”

“Tiga kitab pertama yang diturunkan Allah tidak kekal dan melewati zaman, ia lama kelamaan telah diubah dan dirosakkan oleh manusia untuk kepentingan duniawi. Kitab-kitab ini telah hilang nilai autentiknya. Kitab suci kita iaitu al-Quran tetap tidak berubah sejak hari ia diturunkan kepada nabi kita s.a.w. kerana Allah s.w.t telah berjanji bahawa al-Quran akan kekal utuh hingga hari kiamat.”

Umat Manusia Memerlukan Para Nabi

“Sahabat sekalian, para nabi ialah pembimbing dan teladan yang dipilih dan diutus oleh Allah s.w.t daripada kalangan manusia untuk dijadikan contoh tauladan. Sejarah para nabi bermula dengan manusia pertama. Manusia pertama ialah Nabi Adam a.s. yang juga merupakan nabi pertama. Sebagaimana manusia memerlukan seorang guru yang mengajar mereka apa yang tidak mereka ketahui, mereka juga memerlukan nabi yang mengajar mereka pelajaran seperti aqidah, ibadah dan akhlak.”

“Anak-anak pelajar yang dikasihi, tidak ada sesuatu pun yang sia-sia di alam semesta ini kerana alam semesta ini adalah kerja Allah s.w.t, pemilik kebijaksanaan yang tidak terhingga. Nabi ialah utusan yang memperkenalkan dan memberitahu manusia tentang Allah azza wa jalla melalui karya-karya ciptaan-Nya.”

“Tuhan mendedahkan kepada kita mengapa Dia menciptakan manusia dan makhluk lain dan apa yang Dia kehendaki daripada mereka melalui para nabi-Nya. Melalui kehidupan mereka, para tauladan menjadi uswah dalam soal ibadah, akhlak dan kehidupan sosial yang telah Allah turunkan kepada mereka.”

“Kita perlukan doktor untuk sihat dan menyembuhkan penyakit-penyakit lahiriah. Dengan cara yang sama, kita memerlukan nabi yang merupakan doktor rohani yang merawat masalah-masalah lahiriah dan maknawiyah serta penyakit individu dan masyarakat.”


“Nabi telah menjelaskan kepada manusia tentang tujuan manusia di dunia ini dan mengajar manusia kebenaran yang diturunkan Allah kepada mereka. Kita dapat belajar erti manusia di dunia dan tujuan penciptaan manusia hanya daripada para nabi.”

“Para nabi mengajar manusia apa yang harus dilakukan, bagaimana melakukan perbuatan tersebut dan terutamanya mengapa dia harus melakukan perkara-perkara tersebut. Seseorang boleh belajar apa yang akan diperolehi jika dia melakukan apa yang perlu dilakukan dan apa yang menimpa dirinya jika dia tidak melakukannya, hanya melalui utusan-utusan yang barakah ini.”

“Para nabi ialah utusan Allah s.w.t yang dipilih daripada kalangan manusia. Allah s.w.t berfirman kepada para nabi melalui wahyu. Allah s.w.t mengurniakan mukjizat kepada nabi-nabi-Nya untuk membuktikan bahawa mereka ialah seorang nabi.”

“Mukjizat ialah perkara luar biasa yang diberikan kepada para nabi dan yang tidak dapat dilakukan oleh orang lain. Sebagai contoh, api yang tidak dapat membakar Nabi Ibrahim a.s., tongkat Nabi Musa a.s. yang bertukar menjadi ular dan terbelahnya bulan melalui isyarat jari nabi kita Muhammad s.a.w., dan air mengalir daripada celah jari jemari baginda s.a.w. adalah sebahagian daripada mukjizat. Dalam pada itu kita tidak boleh lupa bahawa Allah s.w.t lah yang mencipta mukjizat-mukjizat ini.”





Kehidupan Akhirat Akan Berlaku

“Anak-anak pelajar yang dikasihi, beriman kepada Hari Akhirat bermaksud beriman kepada alam kekal yang akan bermula selepas kiamat.”

“Dunia kita ialah sebuah medan ujian. Manusia telah dihantar ke dunia untuk sebuah tugas. Kehidupan dunia ialah perhentian singkat bagi sebuah perjalanan yang panjang. Manusia ialah pengembara. Dia bergerak dari alam roh ke rahim ibu, dari zaman kanak-kanak ke zaman muda, dari muda ke tua. Kemudian dia ialah seorang pengembara yang akan pergi dari usia tua ke alam kubur, dan dari kehidupan kubur ke dataran kebangkitan. Dari dataran kebangkitan, manusia akan ke syurga yang kekal.”

“Kehidupan duniawi sangat penting dalam perjalanan ini. Melalui gerak tindak di dunia ini akan menentukan bagaimana kita akan menjalani kehidupan kekal kelak. Hal ini kerana dunia ialah ladang akhirat. Apa sahaja yang ditabur manusia di sini, dia akan menuainya di akhirat kelak.”

“Semasa kita bekerja untuk dunia kita, kita juga mesti bekerja untuk kehidupan kekal kita di akhirat. Malah bukannya

di dunia ini terdapat kerajaan yang memberi ganjaran bagi mereka yang mematuhi undang-undang dan menghukum mereka yang memberontak? Sudah tentulah akan diberikan kerana ia dikehendaki oleh undang-undang.”

“Nah, begitu juga dengan Tuhan kita yang akan membalas insan-insan yang mentaati-Nya dan mengimani-Nya dengan pahala seperti syurga. Mereka yang menderhakai Allah s.w.t dan tidak mengikut Nabi Muhammad s.a.w. dan mereka yang tidak menerima apa yang dibawanya akan dihukum sebagaimana yang sepatutnya.”

Penciptaan Kedua Lebih Mudah Daripada Penciptaan Pertama

“Allah akan membangkitkan manusia dengan jasadnya setelah mereka mati. Ia sangat mudah bagi Allah. Dia telah menciptakan segala sesuatu dengan mudah daripada tiada. Justeru, penciptaan kali kedua lebih mudah daripada yang pertama. Jika kita melihat dan menerima ciptaan yang pertama dan menyebut ciptaan kedua adalah sukar, kita telah mengatakan sesuatu yang tidak berasas. Kita boleh memahami hal ini dengan lebih baik dengan contoh.”

“Sebagai contoh, kita melihat bahawa pengetua sekolah dengan mudah membahagikan beribu-ribu pelajar ke dalam kelas pada hari pertama persekolahan dan menentukan guru mereka serta kedudukan mereka di dalam kelas. Pengetua akan menjelaskan dan mengumumkan sukatan pelajaran dan seterusnya pelajaran pun dimulakan.”

“Kemudian loceng rehat berbunyi. Pelajar duduk bertaburan di seluruh sekolah untuk rehat. Jadi sekarang, ada seseorang walaupun telah melihat pengetua membuat susunan pertama tadi dengan mudah, bolehkah dia menyebut, “Pengetua tidak boleh mengumpulkan pelajar yang bersurai semasa rehat ke kelas semula dengan bunyi loceng? Sekiranya saya tidak melihatnya, saya tidak akan percaya!?” Sudah tentu tidak boleh mengatakan demikian. Bukankah kelakar kalau dia bercakap sedemikian rupa?”

“Ya, pengetua telah menubuhkan serta mengekalkan ketertiban di sekolah apabila beliau tiada. Ia adalah lebih mudah bagi pengetua mengumpulkan pelajar yang telah diatur, tempat mereka telah ditentukan dan yang telah bertemu antara satu dengan yang lain hanya dengan satu bunyi loceng.”



“Sama seperti hal ini, kebangkitan kedua manusia selepas kiamat akan lebih mudah daripada yang pertama. Sebagaimana contoh sebentar tadi, Tuhan kita menciptakan manusia daripada tiada. Sel dan organ dalam badan kita telah bertemu dan bekerja bersama sepanjang hayat di dunia. Apabila mati, sel-sel akan tersebar untuk berehat. Allah s.w.t pada hari penghakiman, akan menghantar sel-sel tersebut ke jasad kita. Ia akan berkumpul dengan bunyi sangkakala Israfil a.s.”

“Ini sama sekali tidak sukar bagi Allah. Semua sel akan berkumpul semula dalam badan mereka di mana mereka berkhidmat sesama mereka di bumi. Kemudian Allah s.w.t akan menghisab manusia atas segala perbuatannya di dunia ini.”

“Ya, apabila kita berfikir secara logik, lebih mudah untuk melakukan sesuatu untuk kali kedua daripada kali pertama. Dalam sejarah manusia, ciptaan pertama seperti kapal terbang, televisyen dan komputer sukar dibuat.”

“Kemudian mudah untuk memasang semula kepingan peranti-peranti ini yang diselerakkan dan meletakkannya semula. Tuhan yang mencipta ciptaan pertama bagi manusia, tidaklah lemah dalam mencipta ciptaan kedua.”

Manusia Bebas Membuat Pilihannya

“Anak-anak pelajar yang dikasihi, Maha Mengetahuinya Allah tidak ada noktah akhir. Allah s.w.t mengetahui segalanya tanpa ada sedikitpun kekurangan, tidak kira masa dan tempat. Takdir bermaksud Allah dengan ilmu-Nya yang tidak terhingga mengetahui segala yang berlaku pada masa lalu, sedang berlaku dan akan berlaku pada masa hadapan.”

“Terdapat dua kehendak yang mempengaruhi perkara yang berlaku kepada manusia. Yang pertama ialah kehendak Allah, di mana Allah s.w.t menetapkan takdir-Nya dengan penuh adil kepada hamba yang Dia akan ciptakan. Allah s.w.t telah menetapkan ciri-ciri, ketinggian, warna kulit, jantina, negeri, warganegara, lokasi dia bakal dilahirkan dan daripada ibu bapa mana dia akan dilahirkan. Manusia tidak bertanggungjawab dan disibukkan untuk perkara seperti itu.”

“Sahabat yang dikasihi, kehendak kedua ialah kehendak manusia iaitu kebebasan dalam memilih. Dengan kehendak ini, seorang hamba dapat membuat pilihan dalam perkara kebaikan dan keburukan. Manusia benar-benar memiliki kebebasan pada kehendaknya. Dia bukanlah tawanan kepada takdir. Sekiranya manusia menjadi tawanan kepada takdir, dia tidak boleh diberi pujian atau diberi pahala atas perbuatan baiknya serta dihukum kerana perbuatan jahatnya.”

“Ya, Allah s.w.t telah memberi kita semua kehendak bebas. Kita semua tahu dengan hati nurani kita. Manusia melakukan semua tindakannya dengan kehendaknya. Tuhan kita Maha Mengetahui dengan sifat Ilmu-Nya yang tidak terhingga bahawa pilihan yang akan dibuat oleh seseorang dengan kehendaknya sendiri. Ia telah tertulis dalam suratan takdir.”

“Dalam apa cara sekalipun, kita akan menggunakan kehendak kita, takdir telah pun mengetahui dan menulisnya.



Dalam erti kata lain, seseorang tidak semestinya menjalani apa yang telah ditulis oleh takdir. Kita semua boleh belajar sesuatu atau tidak dengan kehendak bebas kita sendiri. Kita bermain dengan pilihan kita sendiri. Seorang pelajar yang sering bermain dan tidak belajar lalu mendapat gred buruk tidak ada hak berkata, “Apa boleh saya buat, inilah takdir saya!”

“Manusia bertanggungjawab atas akibat pilihan mereka sendiri. Contohnya, apabila seseorang membeli buah-buahan dari pasar, dia meneliti buah tersebut dengan fikiran dan dengan kehendaknya dia tidak mengambil buah-buahan yang busuk dan lebam. Manusia memilih apa yang mereka mahu.”

“Tindakan memilih ini adalah bukti bahawa kehendak kita bebas. Jika tidak, dia membeli secara rawak dengan mengisi plastik dengan buah-buahan yang lebam dan busuk. Sekiranya dia berkata, ‘Apa boleh saya buat, inilah takdir saya!’, bolehkah dia meyakinkan sesiapa dengan kenyataan tersebut?’”

Cikgu Yusuf nampaknya telah menamatkan ceramahnya. Beliau menghabiskannya dengan mengucapkan, “Saya mengucapkan terima kasih kerana sudi mendengar ceramah saya dengan penuh minat.” Beliau mendapat tepukan dari para penonton kemudian beliau kembali duduk di tempatnya.

Anak-anak muda itu memuji guru mereka dengan memberikan tepukan yang lebih kuat. Program ini benar-benar produktif. Program ini telah tiba pada penghujungnya. Pengacara majlis mengucapkan terima kasih kepada pentadbiran universiti dan para pensyarah kerana menganjurkan program yang sangat baik.

Ketika Segala Sesuatu Ada Tujuan, Bagaimana Mungkin Pula Seorang Insan Tidak Bertujuan!?

Bagi ucapan penutup majlis, timbalan rektor Universiti Sains Islam Istanbul dijemput naik ke pentas. Semua pelajar memberikan tepukan kepada timbalan rektor tersebut. Timbalan rektor tersebut memulakan ucapan dengan suaranya yang penuh keterujaan,

“Anak-anak pelajar yang saya hormati, kita telah mendengar pembentangan yang sangat bermanfaat daripada para profesor kita yang bukan sembarangan orang. Kalian semua mengikuti program ini dengan penuh minat. Terima kasih saya ucapkan. Sepatutnya kalianlah yang patut mendapat tepukan di sini. Kalian ialah pelita harapan bagi negara kita. Saya mempersilakan semua orang yang berada di sini untuk meraikan dan memberikan tepukan yang gemuruh kepada anak-anak pelajar kita.” Dewan tersebut gemuruh dengan tepukan yang sangat panjang. Apabila tepukan beransur reda, timbalan rektor berkata,

“Anak-anak pelajar yang saya kasihi, dunia akan menjadi lebih indah apabila kalian memahami dan menghayati agama Islam kita yang indah dan kalian menjadi harapan masyarakat. Menjadi seorang mukmin yang manusiawi mengenali

Tuhannya dan mengetahui tujuan dia dilahirkan ke dunia adalah sebuah peluang.”

“Fikirkan teladan para sahabat radiyallahu’anhum yang membesar dan maju bersama tauladan agung kita, Rasulullah s.a.w. Sebelum mereka beriman, mereka berada dalam kejahilan, kezaliman dan kejahatan. Setelah mereka beriman, tiba-tiba mereka menjadi guru yang mengajar kemanusiaan dan ketamadunan kepada bangsa-bangsa yang paling bertamadun.”

“Walaupun mereka dahulunya sangat kejam sehingga menanam anak perempuan mereka hidup-hidup, dengan iman dan Islam, mereka naik ke maqam yang sentiasa menahan diri walaupun menyakiti seekor semut. Cahaya iman yang dibawa oleh Nabi kita s.a.w. yang menjadikan mereka baik.”

“Anak-anak pelajar yang dihormati, semua makhluk hidup mempunyai tujuan penciptaannya. Di alam semesta ciptaan daripada atom hingga ke galaksi dicipta untuk tujuan tertentu, maka ciptaan manusia juga tidak mungkin tanpa tujuan dan matlamat. Haiwan seperti ayam, biri-biri, kambing dan ulat sutera dicipta untuk tujuan tertentu. Mungkinkah seseorang itu terbiar dan tidak bermakna sedangkan mendapat manfaat daripada hasil dan keputusan yang mereka pilih?”

“Manusia menggunakan sutera yang ditenun daripada ulat kecil tanpa tangan yang berpaut di daun mulberi segar walau tanpa tangan, harus mengenali dan mengasihi Tuhan yang memberikan keberkahan ini. Semua makhluk bernyawa dan tidak bernyawa melaksanakan tugas dan fungsi yang



ditetapkan untuk mereka dengan sempurna. Manusia juga harus menunaikan kewajipan dan tanggungjawab yang ditetapkan Allah s.w.t untuknya.”

“Kita semua dihantar ke dunia dengan cara yang lebih tinggi. Kita dilahirkan dengan ciri-ciri berpotensi tertinggi seperti mempunyai kecerdasan, kesedaran, mampu menilai, rasa ingin tahu, rasa hairan dan rasa cinta yang lebih tinggi daripada hidupan lain. Hakikat bahawa kita dilengkapi dengan kebolehan yang unggul menunjukkan bahawa kita berbeza daripada haiwan dan ini adalah bukti yang jelas bahawa kita telah dihantar ke bumi untuk tujuan yang besar.”

“Ya anak-anak pelajar yang dikasihi, pada ayat pertama al-Quran iaitu “Bacalah dengan nama Tuhanmu,” Allah s.w.t berfirman bahawa membaca tidak boleh sembarangan. Bacalah apa sahaja yang kita mahu baca dan apa sahaja yang kita baca hendaklah kita membacanya dengan nama-Nya, tidak melupakan Pencipta kita, Tuhan kita.”

“Nah, kita melihat pada sudut ini bahawa alam semesta sepertinya buku yang paling layak dibaca. Setiap aturan sains menunjukkan kepada kita seni dan keajaiban yang Allah ciptakan di alam semesta. Atas sebab ini, ketika segala karya ini diperhatikan, kita tidak seharusnya melupakan kepada pemilik karya-karya ini.”

“Kita harus mengenali Tuhan yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera makhluk, dengan iman serta perbuatan-perbuatan-Nya yang dapat dilihat. Kita harus melihat kewujudan Tuhan kita yang Esa, Maha Mengasihani, Maha Adil, Maha Pemurah dan semua nama serta sifat-Nya dalam setiap makhluk.”

“Anak-anak pelajar yang saya kasihi, saya memberikan salam kepada kalian dengan kasih sayang dan rasa hormat. Saya sangat berbahagia dengan kehadiran kalian. Saya ingin mengakhiri kata-kata saya dengan doa Nabi yang kita kasihi s.a.w, “Ya Tuhan kami, jadikanlah iman kami sebuah kecintaan dan hiasilah hati kami dengan iman yang telah Engkau jadikannya sebuah kecintaan. Tunjukkanlah kepada

kami keingkaran, dosa, pemberontakan sebagai sesuatu yang keji. Tuntunlah kami ke jalan hamba-hamba-Mu yang Engkau redhai yang telah menemui jalan yang benar!”¹⁰

Semua pelajar menjawab doa yang indah dan sangat bermakna ini dengan iringan lafaz Amin ya Rabbal Alamin’. Dengan ucapan penutup ini, suasana dewan menjadi lebih indah. Beberapa anak muda berkata dan bergurau sesama mereka, “Beruntung kita datang.”

Ada yang memberi respon sesama mereka selepas mendengar ucapan dan ceramah, ada yang berkata, “Saya juga mahu belajar di universiti ini,” sesama mereka dan mereka mula mengosongkan dewan. Selepas persidangan selesai, pembentangan-pembentangan sebentar tadi telah meninggalkan kesan manis di minda dan hati para pelajar.

Iman Kita Ialah Noktah Persandaran Terkuat

Mereka berada di kelas Cikgu Yusuf lagi pada hari Isnin. Selepas persidangan itu, para pelajar lebih memahami kepentingan beriman kepada Allah s.w.t.

“Sahabat-sahabat yang dihormati, kalian mengikuti persidangan yang kita hadiri pada hujung minggu kemarin dengan penuh perhatian dengan mencatat nota. Terima kasih cikgu ucapkan kepada semua. Alhamdulillah, persidangan itu mempunyai pengakhiran yang sangat baik,” tutur Cikgu Yusuf pada permulaan kelas.

“Cikgu, kami yang sepatutnya perlu mengucapkan terima kasih. Kami sangat gembira kerana cikgu menpelawa kami ke persidangan itu. Saya akan sangat kecewa jika saya tidak datang dan terlepas program ini,” kata Khadijah dengan gembira.

Pelajar lain juga berkata, “Ya cikgu, terima kasih banyak-banyak.”

10. Hadis riwayat Ahmad, Bukhari, al-Nasai’e, dan al-Hakim

Cikgu Yusuf bertanya, “Pelajar sekalian, ada tak sesuatu yang masih menjadi tanda tanya kepada kalian?”

Said memohon untuk bercakap, “Cikgu, untuk pertama kalinya saya memasuki universiti itu, saya menonton dan mendengar persidangan yang ilmiah daripada professor universiti di dalam dewan yang sangat besar. Ini ialah pengalaman yang hebat bagi saya.”

“Cikgu, saya juga menyukai topik dalam persidangan kali ini. Ia benar-benar bagus,” sahut Ibrahim pula.

“Dan kamu, Fateh?” tanya Cikgu Yusuf dengan tersenyum.

“Saya tidak boleh melupakan persidangan itu, tetapi saya tidak boleh melupakan detik-detik kita nikmati lokum dalam bas mini kita. Cikgu kena selalu membawa kami ke persidangan begini.” Semua ketawa apabila dengar kata-kata Fateh.

Cikgu Yusuf senyum dan berkata, “Anak-anak sekalian, program ini sangat bermanfaat. Ia telah membangkitkan kesedaran yang berbeza dalam diri kita semua. Sekali lagi kita telah memahami nilai dan kepentingan iman. Ya, iman ialah sebuah kebenaran yang memberi kesan sehingga berkat iman, orang ramai mengenali Allah, Pemilik segala-galanya dan menyedari bahawa tiada apa pun di alam semesta boleh berlaku secara kebetulan.”



“Ia menyedarkan bahawa segala yang dicipta adalah keajaiban seni daripada Tuhan kita. Dia tahu bahawa semua makhluk ialah hamba Allah. Justeru, kewujudan Tuhan memberikan keyakinan penuh kepada seorang mukmin. Manusia akan berasa tenang apabila menyedari kewujudan Penciptanya, yang melihatnya pada setiap saat dan mempamerkan belas kasih-Nya.”

“Oleh sebab makhluk hidup mengetahui makhluk bukan hidup juga mempunyai tugas, mereka tidak memberikan mudharat kepada makhluk bukan hidup tersebut. Imanlah menyebabkan dia cenderung untuk melakukan perkara yang baik dan bermanfaat.”


Hasan pula menambah, “Cikgu, saya telah menceritakan mengenai program tersebut kepada nenek saya. Nenek saya sangat menyukainya. Nenek saya ada mengungkapkan kelebihan iman yang diberikan kepada manusia melalui kata-katanya, “Seorang mukmin itu kuat dan berani. Kita telah memenangi peperangan Malazgirt, Çanakkale dan Kurtuluş melalui kekuatan iman.”



“Nenek awak betul, Hasan! Iman ialah noktah persandaran utama kita. Seseorang yang kuat imannya hanya menyandarkan dirinya kepada Allah s.w.t. Tidak kira apa yang berlaku ke atas dia sepanjang hidup dan dia boleh mengatasi segala kesulitan dengan kekuatan iman yang diberikan kepadanya.”

“Apakah kesukaran yang boleh lakukan kepada seseorang yang terikat oleh iman kepada kuasa Tuhannya yang tidak terhingga? Seorang muslim yang kuat imannya tidak berputus asa dalam menghadapi kesulitan dan dia bersabar dengannya. Oleh sebab imannya menunjukkan kepadanya sisi-sisi indah pada segala perkara, dia tidak putus harapan dan berubah menjadi pesimis.”

“Dia tahu benar bahawa dunia dan aturan ini mempunyai pemilik. Dia bertindak dengan keyakinan bahawa Allah s.w.t tidak akan meninggalkannya sendirian. Dia melakukan yang terbaik untuk mencapai matlamat atau menghilangkan masalah. Dia hanya berserah kepada Allah *Azza wa Jalla*.”



“Anak-anak pelajar, terdapat hubungan langsung antara iman dan keberanian. Apabila iman bertambah, maka keberanian juga bertambah. Dalam sejarah, ramai kelompok yang minoriti mampu mengalahkan kelompok majoriti dengan berkat kekuatan iman. Iman memberikan satu perspektif bahawa ‘kita tidak keseorangan, Allah bersama kita. Maka, jangan berhenti mencari jalan!’”

“Ketika seorang mukmin mengetahui bahawa tiada sehelai daun pun yang gugur dari dahan tanpa izin Allah s.w.t, fikiran, hati, jiwa dan perasaannya menjadi tenteram. Ia dapat merasakan sebuah kenikmatan daripada hidupnya.”

Said pula berkata, “Cikgu, bukankah iman juga memberi peluang kepada manusia untuk berdoa?”

Cikgu Yusuf menganggu sambil berkata, “Benar, dapat berdoa adalah sebuah kesempatan yang besar. Ia juga menjadi salah satu wasilah kita beriman kepada Allah s.w.t. Iman juga merupakan sebuah perlindungan yang paling kuat. Kita berlindung dalam rahmat Tuhan yang tidak terhingga dengan kesedaran iman.”

“Mengetahui segala sesuatu yang berlaku atas perintah Allah, maka seseorang muslim itu terlebih dahulu akan meminta bantuan dan pertolongan daripada Allah s.w.t. Dia akan berdoa kepada Tuhannya. Dengan iman, dia menyedari bahawa ada satu zat agung yang mendengar hajat hatinya walaupun yang paling terdalam sekalipun. Maka, atas kerana Dia Maha Berkuasa, Dia mengabulkan doa permintaan hamba-Nya.”

“Bagi mereka yang beriman, khazanah rahmat Tuhan yang tidak berkesudahan dan tidak habis-habis, memberikan mereka keyakinan dan kedamaian. Seseorang yang mencapai hakikat iman akan berdoa kepada Tuhannya dalam setiap keadaan, dalam setiap keinginan, pada bila-bila masa dan di mana sahaja.”

“Oleh disebabkan Allah s.w.t tidak memiliki sekutu, seseorang itu boleh meminta semua hajatnya daripada Tuhannya tanpa menghadapi sebarang halangan dan

kesulitan. Dia boleh bergantung kepada kuasa Allah Yang Maha Agung dan berlingung dalam rahmat-Nya yang tidak berkesudahan. Khadijah yang mendengar dengan teliti apa yang diperkatakan, lalu menyapa dan menyoal Cikgu Yusuf, “Cikgu, saya merasakan bahawa iman saya meningkat selepas persidangan itu, namun bagaimana saya dapat menguatkan iman melalui akal fikiran saya?”

“Ya, saya telah menjangkakan awak akan bertanya soalan seperti itu. Pada ketika itu, loceng telah berbunyi. Cikgu Yusuf sambil tersenyum berkata, “Aah, loceng sudah berbunyi. Baiklah, dalam kelas seterusnya kita akan bercakap tentang jawapan kepada soalan yang bagus ini. Kalian juga tolong fikirkan tentang topik ‘Bagaimana kita boleh menguatkan iman kita’. Saya ucapkan selamat tengah hari kepada semua, semoga kita akan berjumpa lagi nanti.”

Bagaimana Aku Dapat Menguatkan Imanku?

Hari Rabu telah pun tiba. Cikgu Yusuf tiba ke kelas dan seperti biasa beliau akan memberikan salam dan bertanyakan kepada para pelajar mengenai soalan yang lalu.

“Mari kita lihat, seperti yang kita janjikan pada kelas yang lepas, bagaimana kita dapat menguatkan iman kita? Mari kita bincangkan topik ini,” sapa Cikgu Yusuf kepada pelajarinya.

Nusaibah dengan bersemangat mengangkat tangan, “Saya telah bertanya kepada ayah saya tentang hal ini, cikgu. Ayah saya menjawab, “Seperti atlet yang berlatih, bekerja dan berusaha untuk memperkuat otot mereka. Begitu juga kita umat Islam harus sedar dan berusaha memperbaiki akidah. Semakin seseorang membaca buku tentang iman lalu dia memikirkan apa yang dibaca dan diucapkannya, semakin imannya akan kuat.”

“Jika seseorang melihat segala-gala di sekelilingnya sebagai karya seni, dia akan menyedari pencipta karya tersebut. Dia akan mengenali Tuhan. Semakin dia mengenali-Nya, semakin dia akan suka dan sayang serta semakin dia ingin mengenalinya. Setiap *tafakkur* itu menguatkan ikatan keimanan seseorang kepada Allah s.w.t.”

Fateh pula angkat tangan, “Cikgu, saya pun bertanya kepada Tok Osman. Katanya, beribadah dan menjadi hamba Allah yang baik akan menguatkan iman kita.”

“Ya terima kasih. Benar! Seperti kata Tok Osman tadi, satu cara lain yang penting untuk menguatkan iman ialah ibadat. Seseorang yang mengerjakan ibadatnya dan menunaikan kewajipan perhambaanannya akan memahami bahawa seluruh alam ini milik Allah s.w.t. Dia sedar bahawa dia bukan seorang yang sesat. Kebesaran dan belas kasih sang Pencipta sentiasa ada di dalam hatinya dengan doa-doa dan ibadah-ibadah lain yang sering dilakukannya setiap hari.”

“Anak-anak pelajar sekalian, pada satu titik penting, seseorang yang melakukan ibadah mereka akan menyedari bahawa semua makhluk juga sedang beribadah kerana setiap yang dicipta ada tujuan penciptaannya. Sebagai contoh, kambing biri-biri dicipta untuk memberi susu dan lebah wujud bagi menghasilkan madu. Manusia yang dicipta dengan ciri-ciri lebih tinggi daripada semua makhluk, mesti mempunyai tujuan penciptaan.”

“Tujuan penciptaan itu adalah beriman dan menyembah Allah s.w.t, Pencipta segala-galanya. Malangnya orang yang tidak melaksanakan ibadahnya tidak dapat atau tidak dapat melihat ibadah makhluk lain kepada Allah s.w.t. Ibadah dan solat memberi kesedaran kepada manusia tentang kewujudan dan keesaan Allah s.w.t.”

“Selain itu, ibadah adalah penting dalam menegakkan dan mengakarkan iman dalam hati kita. Ibrahim sebagai contoh, jika awak mempunyai anak pokok yang baru, adakah ia boleh tumbuh dengan baik jika awak menanamnya ke dalam tanah tetapi tidak pernah menyiramnya?”

“Tidak cikgu, ia tidak tumbuh dan tidak berkembang. Ia akan menjadi kering.”

“Nah, Iman kita menjadi lemah apabila ibadah tidak dilakukan. Mungkin ia tidak akan hilang, tetapi ia akan menjadi lemah dan menipis. Oleh itu, amat penting kita beribadat. Salah


satu elemen terpenting yang meletakkan iman kita ke dalam hati dan mengakarkannya di dalam hati ialah pengabdian, solat dan doa-doa kita.”

“Anak-anak pelajar yang dikasihi, seseorang merasakan segala keperluannya melalui beribadah kepada Allah terutama apabila dia berkomunikasi dengan Tuhannya pada lima kali sehari, iaitu melalui solat. Dia akan meminta kepada Allah sahaja semua kehendak dan hajatnya. Dia memahami akan ketidakberdayaannya, maka dia hanya bergantung pada kuasa Allah yang tidak terhingga melalui ibadah.”

“Orang seperti itu ikhlas menjadi hamba Allah, mengetahui kekurangan dan kesalahannya dengan kesedaran sewaktu beribadah. Jika kita tidak beribadah dan jika kita terputus hubungan dengan Tuhan kita, nauzubillah, kita akan menjadi orang yang mementingkan diri dan kejam.”

Cikgu Yusuf berucap kepada kelas, “Adakah yang lain ingin bercakap tentang cara menguatkan iman kita?”

Said mula berkata, “Cikgu, saya membaca tentangnya dalam sebuah buku. Buku tersebut menyebut bahawa mempelajari tentang kehidupan semua nabi dan para sahabat, terutamanya kehidupan Nabi yang kita kasihi Muhammad s.a.w. dan menyusuri bagaimana mereka bergelut dengan kesukaran yang mereka alami, akan menguatkan iman kita.”



“Bagus. Ya, manusia dihantar ke bumi ini untuk tujuan murni. Petunjuk pertama manusia ialah para nabi. Menelusuri kehidupan semua nabi dan para auliya’ yang hidup sebelum kita dan menunaikan kewajipan sepenuhnya yang diberikan oleh Allah s.w.t menguatkan rohani kita. Khususnya tauladan daripada kehidupan Rasulullah s.a.w. adalah pedoman yang sangat baik untuk kita.”

“Nabi Muhammad s.a.w. yang kita kasihi mengajari kita apa yang Tuhan kita mahu kita lakukan. Bahkan, baginda menunjukkan contoh kepada kita bagaimana harus melakukan perkara-perkara ini melalui kehidupannya. Baginda s.a.w. juga menjelaskan dan menerangkan mengapa kita tidak boleh melakukan perkara yang tidak sepatutnya dilakukan.”



“Baginda s.a.w. mengajari kita apa yang kita dapat apabila kita melakukan apa yang Allah s.w.t kehendaki dan apa yang kita bakal rugi jika kita tidak melakukannya. Para sahabat yang merupakan murid pertama Baginda s.a.w. mempelajari pelajaran iman dengan sempurna daripadanya. Persoalan-persoalan seperti apa itu iman?, bagaimana rasanya mengasihi Tuhan?, bagaimana cara mensyukuri nikmat Tuhan kita?, dan bagaimana melakukan pengabdian yang sebenar kepada Allah s.w.t?, semua persoalan itu para sahabat pelajari daripada Rasulullah s.a.w.”

“Ada lagi sesiapa yang mempunyai pemikiran lain tentang perkara ini?”

“Cikgu, boleh saya bertanya soalan?” kata Rayyan sambil berdiri.

“Sudah tentu Rayyan, dengan senang hati!”

“Adakah pengukuhan iman juga berkaitan dengan persekitaran sosial yang baik?”

“Ya Rayyan. Bagus! Persekitaran sekeliling yang baik dan kawan yang baik juga sangat penting. Jika persekitaran seseorang itu menanamkan kebaikan dan keindahan dalam dirinya, orang itu menjadi cenderung kepada kebaikan, keindahan dan manfaat.”

“Sahabat yang kita pilih hendaklah mereka yang mendekatkan diri kita kepada Allah dan Rasulullah s.a.w. Seseorang mempelajari tentang iman untuk kali pertama akan mempelajarinya daripada keluarga, kaum kerabat atau jiran tetangganya.”

“Ibu dan ayahnya akan menjadi guru maknawiyah. Mereka mengajar anak-anak mereka dengan menghidupkan iman dan Islam. Begitu juga saudara-mara dan jiran tetangganya saling menjaga satu sama lain, membawa satu sama lain ke syurga.”

“Atas sebab ini, orang ramai harus sentiasa meneliti dan memilih persekitaran sosial mereka dengan baik. Hal ini kerana persekitaran yang teruk dan faktor kawan yang buruk adalah faktor utama di sebalik tabiat buruk dan tingkah laku buruk yang memudaratkan masyarakat kita pada hari ini.”

“Anak-anak pelajar yang saya kasihi, iman kita ialah nilai terpenting yang tidak boleh kita hilangkan, ia akan membawa kita ke syurga. Oleh itu, kita harus mengelakkan persekitaran yang teruk dan kawan yang boleh merosakkan akidah kita seperti seekor kala jengking dan ular. Kita harus mencari persekitaran dan rakan yang berguna dan membawa kita kepada kebaikan dan keindahan.”

Kelas berakhir dengan berbunyiya loceng sekolah. Cikgu Yusuf dengan nada lembut berkata, “Kalian perlu berehat, sekian dulu anak-anak pelajar sekalian, saya harap dapat membincangkan subjek lain dalam pelajaran akan datang, insya-Allah.”

Cikgu Yusuf keluar dari kelas dengan mengukirkan sebuah senyuman.

